

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

PEJ. JARINGAN, INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

JAMALUNLAILI BIN ABDULLAH

KETUA UNIT KUALITI :

NOORAZEAN BINTI KAMARUDDIN

PENYELARAS :

NOORAZEAN BINTI KAMARUDDIN

PENULIS :

1. NORIAH BINTI MOHAMED ALI
2. NOORAZEAN BINTI KAMARUDDIN
3. NOORAZEAN BINTI KAMARUDDIN
4. ZURITA AKHMA BINTI ABD. JALIL
5. NOORSALISSA BINTI SAEDAN
6. NOORSALISSA BINTI SAEDAN
7. UMI KAZURA BINTI ZAKARIA

8. NOOR AYUNI BINTI CHE ZAKARIA
9. NAZHATUL SAHIMA BINTI MOHD YUSOFF
10. MUHAMMAD LUTHFI BIN MOHAINI
11. MUHAMMAD HUSSAIN BIN ISMAIL
12. NAZURA BINTI MOHAMED SAYUTI
13. SITI HAFSYAH BINTI IDRIS
14. ASLINDA BT MOHD SHAHRIL @ MOHD SIHIR
15. AHMAD SHAH BIN PAKEER MOHAMED
16. BIBI INTAN SURAYA BINTI MURAT
17. NEESA AMEERA BINTI MOHAMED SALIM
18. ZAKARIA BIN HASHIM
19. NURUL SUHAINAH BINTI HASSIM
20. NORASHAMTI BT MD. ZEN
21. NUR FARISHMA BINTI BAKERIM
22. NORAZLINA BINTI MUSA
23. MUHAMAD HAFIZ BIN HASSAN
24. MOHD NAZMI BIN MASREK
25. SITI NORALIZA BINTI MOKHLAS
26. FARAH FARHANA BINTI MAZLAN
27. MOHD SYAZWAN BIN WAN ADNAN
28. HAZLI BIN AHMAD FADIL

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), UiTM merupakan jabatan utama dalam membina, mengukuh dan memperluas **hubungan strategik universiti** dengan industri, agensi kerajaan, komuniti dan alumni. Fokus utama ICAN adalah menggerakkan **kerjasama** dua hala yang memberi manfaat kepada pembangunan akademik, penyelidikan, industri, kebolehpasaran graduan, **pemeriksaan komuniti** dan komuniti lestari, **alumni** serta pemindahan ilmu. Pendekatan kepimpinan ICAN menekankan prinsip **Engagement, Inclusivity, Communication dan Accountability** bagi memastikan setiap jaringan berimpak tinggi serta selaras dengan aspirasi UiTM sebagai universiti unggul global.

ICAN memilih bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** berasaskan strategi **pengukuhan alumni** sebagai aset universiti melalui sokongan kepakaran, jaringan profesional dan peluang kerjaya, **pemeriksaan komuniti** melalui libat urus yang memberi impak dalam pembangunan sosio ekonomi dan **kesukarelawan** yang merupakan teras untuk membentuk warga universiti yang berintegriti, empati dan berjiwa kepimpinan.

Dari segi **perancangan**, ICAN menetapkan strategi melalui empat teras utama: (1) Jaringan Industri; (2) Jaringan Komuniti dan Komuniti Lestari; (3) Jaringan Alumni serta (4) Pemindahan Ilmu yang memadankan keperluan organisasi luar dengan kepakaran UiTM. Elemen kepimpinan dalam perancangan turut menekankan aspek **pembelajaran berterusan** dan **integrasi** pelbagai pihak, memastikan strategi yang dirangka bersifat **inklusif**, lestari dan responsif terhadap cabaran global. Perancangan ini disokong dengan hala tuju UiTM Strategic Plan 2025 (PS UiTM2025) dan fokus Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Dari aspek **pelaksanaan**, ICAN diketuai oleh Timbalan Naib yang disokong oleh empat (4) orang Pengarah dan tiga (3) orang Ketua. Struktur kepimpinan ini memastikan program dapat dijalankan secara **sinergi**, selari dengan **tagline ICAN... Comprehensively Excellent** yang membawa maksud keseluruhan bahagian/pusat di ICAN adalah cemerlang dan sentiasa pro aktif dalam melaksanakan fungsi utama bagi mencapai aspirasi universiti. Antara inisiatif utama ialah pengukuhan jaringan industri, penubuhan Jawatankuasa Pemandu Kebolehpasaran Graduan, **perolehan dana komuniti**, penglibatan aktif **alumni** dan peningkatan aktiviti **kesukarelawan**. Melalui pendekatan **komunikasi** yang jelas dan **inklusif**, ICAN berfungsi sebagai penghubung antara universiti dan rakan strategik.

Bagi **pemantauan**, setiap inisiatif dinilai pencapaiannya melalui mesyuarat, **libat urus** dan laporan kepada pihak berkepentingan. **Daftar risiko** dibangunkan dan dipantau oleh Jawatankuasa Pemilik Risiko bagi memastikan **keberkesanan** serta kesesuaian aktiviti dengan matlamat universiti. Pemantauan yang dibuat melalui menekankan nilai **integriti** dan **akuntabiliti**, dengan menjadikan maklum balas pelanggan dalaman dan luaran sebagai indikator keberkesanan program. Keberhasilan turut diukur pencapaian program berimpak yang dilaksanakan melibatkan **alumni, komuniti dan sukarelawan**.

Dalam aspek **penambahbaikan**, ICAN sentiasa melaksanakan **semakan tadbir urus** dan proses agar lebih relevan dengan keperluan kepada Majlis Eksekutif Universiti (MEU). Proses penambahbaikan ini menekankan **pembelajaran organisasi**, membuat perubahan serta integrasi amalan terbaik industri dan komuniti. Semakan yang diluluskan MEU juga **dikongsi**

dengan fakulti, pusat akademik dan UiTM cawangan melalui mesyuarat, sesi libat urus dan **komunikasi berstruktur**. Pendekatan ini memastikan **keberkesanan** pelaksanaan strategi, pengurangan risiko serta kelestarian hubungan universiti dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Kepimpinan ICAN merupakan penggerak utama dalam **pendekatan, perluasan, pembelajaran** dan **integrasi** yang memacu ekosistem universiti berimpak tinggi melalui perancangan strategik, pelaksanaan berkesan, pemantauan berterusan serta penambahbaikan berfokus. Peranan ini membuktikan komitmen UiTM untuk muncul sebagai Globally Renowned University yang menyumbang kepada keperluan bakat negara, pembangunan industri dan kesejahteraan komuniti.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan ICAN berlandaskan pendekatan **Believe, Strategize and Execute**; mempercayai keupayaan tenaga kerjanya bagi mencapai sasaran, **merangka strategi** inklusif dan berintegriti melalui komunikasi berkesan, serta **melaksanakan** inisiatif dengan berakauntabiliti dan bersinergi bagi impak lestari kepada universiti dan komuniti. *Tagline ICAN ... Comprehensively Excellent* adalah usaha yang dilaksanakan dalam merealisasikan pendekatan ini bagi mencapai *Globally Renowned University* (GRU) di dalam Perancangan Strategik UiTM 2025 (PS UiTM2025).

Bagi membuktikan **komitmen** ICAN dalam mencapai PS UiTM 2025, kepimpinan ICAN telah mempergiatkan jaringan industri, perolehan dana komuniti untuk universiti, pemerkasaan alumni, dan penglibatan sukarelawan. Usaha ini diterjemahkan melalui pelaksanaan Tema Strategik 5 dalam PS UiTM2025, iaitu *Industry, Community & Alumni Smart Partnership*.

Usaha ini selari dengan **Fokus KPT bagi tahun 2024** iaitu Penyediaan Bakat Terbaik Negara; Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi; Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu; Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi; dan Pementapan Ekosistem Pemboleh Daya.

Kepimpinan ICAN mengadakan sesi perjumpaan dan **libat sama** agar warga ICAN dan UiTM jelas, cakna serta turut sama dalam menjayakan halatuju UiTM dan fokus KPT.

Maklum balas pelanggan dalaman dan luaran juga dijadikan input utama oleh ICAN dalam menambahbaik fungsi ICAN. Maklumbalas yang diterima dinilai dan disemak. Semakan tadbir urus telah dilaksanakan bagi mengenal pasti ruang **penambahbaikan** ke atas **pelaksanaan tadbir urus** yang jelas antara ICAN dan PTj dan ia telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 11/2024 pada 4 April 2024. Hasil penambahbaikan dilaksanakan bagi kelestarian universiti, proses kerja ditambahbaik dari semasa ke semasa seiring dengan arus perubahan global dan jangkaan pemegang taruh.

Seterusnya, hasil semakan, kajian dan maklum balas yang diterima dijadikan input utama penambahbaikan dan pemerkasaan bidang tumpuan. Hasil penambahbaikan ini juga dikongsi dan dimaklumkan kepada warga UiTM khususnya kepada Fakulti/Pusat Akademik dan UiTM Cawangan menerusi kaedah komunikasi seperti **libat urus** Timbalan Naib Canselor (secara fizikal dan dalam talian) dan platform Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (ICAN) Bersama Timbalan Rektor (PJI) / (iCARE) dan Timbalan Dekan (ICAN)/ (PJI) dan Koordinator (ICAN).

Sesi **libat urus** dan perbincangan strategik bersama Dekan Fakulti dan Rektor UiTM Cawangan dibuat sebagai langkah memastikan **komunikasi** yang jelas, efektif dan konsisten dalam penyelarasan **pelaksanaan** bidang tumpuan.

Bagi mengukuhkan kapasiti pelaksana, pemberian kuasa (**delegation**) kepada pemimpin pertengahan iaitu Timbalan Dekan PJI/ICAN, seterusnya kepada Koordinator ICAN di peringkat fakulti dan PTj. Strategi ini bukan sahaja memupuk **kebertanggungjawaban** bersama, tetapi juga memperluas ruang **empowerment** agar setiap lapisan kepimpinan dapat memainkan peranan penting dalam menyampaikan dasar serta menggerakkan aktiviti di lapangan.

Pendekatan ICAN dalam bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan diperkukuh melalui pelaksanaan **Model Quintuple Helix** yang menggabungkan lima elemen utama iaitu akademik, industri, komuniti, kerajaan, dan alam sekitar. Model ini menuntut **komunikasi dan libat urus**, selain memastikan **inklusiviti** dalam setiap inisiatif supaya manfaat dapat dirasakan oleh alumni dan komuniti.

Inisiatif dan aktiviti yang dilaksanakan dipantau dan dinilai pencapaiannya melalui perbincangan dan mesyuarat dengan pihak berkepentingan agar penambahbaikan dilaksanakan dengan segera dan memberi impak positif kepada PTj (pelanggan). **Daftar risiko** dibangunkan dan sentiasa dipantau dan dinilai tahapnya oleh Jawatankuasa Pemilik Risiko agar **keterangkuman** risiko bagi setiap aktiviti diberi tumpuan yang sewajarnya.

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_K01_KB02_20251_Bukti-Kepimpinan-1.2.1-Pengemaskian Tadbir Urus ICAN - Keputusan MEU.pdf](#)
2. [B0075_K01_KB02_20252_Bukti-Kepimpinan-1.2.2-Sesi Libat Urus Kepimpinan ICAN.pdf](#)
3. [B0075_K01_KB02_20253_Bukti Kempimpinan-1.2.3-Model Quintuple Helix.pdf](#)
4. [B0075_K01_KB02_20254_Bukti Kepimpinan-1.2.4-Daftar Risiko ICAN.pdf](#)
5. [B0075_K01_KB02_20255_Bukti Kepimpinan-1.2.5-Pemetaan PPPMPT-PSUiTM2025-FokusKPT-Tindakan ICAN.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Tujahan bagi Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) dirancang, **dilaksana** dan dipantau oleh ketiga-tiga pusat di ICAN iaitu Pusat Jaringan Industri, Pusat Jaringan Alumni dan Pusat Jaringan Komuniti. Bagi memastikan ia dilaksanakan dengan berkesan, semua warga ICAN cakna dengan tumpuan ini dan ia digalas secara kolektif dan bersinergi. Kepimpinan ICAN telah memperkenalkan **One ICAN**, iaitu satu pendekatan penyelarasan kerja **rentas pusat** yang melibatkan semua warga jabatan secara **inklusif**.

Pendekatan ini bukan sahaja **meningkatkan kecekapan** penyampaian, malah menggalakkan **kolaborasi** silang fungsi yang melibatkan warga ICAN dan **disebar luas** pula kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) khususnya Fakulti dan UiTM Cawangan. **Pelaksanaan** yang dibuat merentas jabatan adalah melalui Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (ICAN) bersama Timbalan Rektor (PJI)/(ICAN), Timbalan Dekan (PJI)/(ICAN) dan Koordinator (ICAN) [MeTIC] seluruh sistem UiTM.

Selari dengan peranan ICAN sebagai pemacu **pemindahan ilmu** dan **jaringan strategik** pelaksanaannya, MeTIC berperanan sebagai platform dalam **melaksanakan inisiatif strategik** yang telah dirancang di peringkat pengurusan UiTM khususnya di PSUiTM2025. Pengagihan maklumat dan penyelarasan inisiatif merentas fakulti dan UiTM Cawangan dilaksanakan dengan berkesan dengan penglibatan semua pihak yang melaksana **petunjuk prestasi** di bawah Pengarah Peneraju Timbalan Naib Canselor (ICAN) yang diturunkan (cascade) kepada PTj. Melalui platform ini, **komunikasi dua** hala diperkasa, dan pelbagai **kerjasama** rentas PTj dapat diwujudkan dengan lebih sistematik dan responsif khususnya dalam mencapai bidang tumpuan. Justeru, gabungan pendekatan dalaman (One ICAN) dan luaran (MeTIC) memperkukuh struktur tadbir urus serta menyokong aspirasi universiti untuk meningkatkan pelaksanaan bidang tumpuan dan memberi impak kepada universiti.

ICAN telah **mengetuai pelaksanaan Program Sambutan 25 Tahun UiTM sebagai Sebuah Universiti**. Sebanyak 155 program utama yang dilaksanakan diseluruh sistem UiTM (antaranya adalah Perмышyuran Tuanku Canselor, Malam Gala Sempena Sambutan UiTM 25 Tahun, Perhimpunan Alumni, Kayuhan Kapsul Merentas Cawangan, program derma darah, Sambutan bulan dan Hari OKU dan lain-lain). Program yang dilaksanakan ini telah terangkum di dalam bidang tumpuan JAKK yang mana pelaksanaan program melibatkan UiTM/akademia (sebagai penganjur), Kementerian (sebagai pemegang taruh), industri (rakan strategik UiTM/ICAN dan PTj), **komuniti** (penglibatan komuniti setempat khususnya yang melibatkan UiTM Cawangan), alumni (program yang dilaksana melibatkan penyertaan **alumni** selaras dengan strategi memperkasa jaringan alumni-universiti). Hampir keseluruhan program melibatkan penyertaan **sukarelawan** dari kalangan pelajar dan staf. Penglibatan ini telah melengkapkan quintuple helix yang laksanakan oleh ICAN khususnya dan seluruh PTj amnya.

ICAN melibat kepada peluang kolaborasi dengan komuniti dalam menjayakan **pelaksanaan** bidang tumpuan. Penerimaan yang baik oleh **komuniti** sebagai **penerima manfaat** seperti sekolah-sekolah, ia dilaksanakan secara bersama melalui pembahagian tanggung jawab bersama dengan PTj lain (fakulti/UiTM Cawangan mengikut bidang dan lokaliti). Bagi menyediakan bakat masa hadapan dan menyemai **kepimpinan** dan **berkhidmat kepada komuniti, pelajar dan staf** akan dipelawa menyertai sebagai **sukarelawan**.

Sebagai contoh, +ICANUiTM STEAM Outreach 2024 telah menghimpunkan PTj, pelajar (sukarelawan) dan rakan industri dalam satu inisiatif komuniti bersepadu yang **berimpak tinggi**. Inisiatif ini sejajar dengan aspirasi PPPM(PT) 2015–2025, khususnya dalam **memperkasa pembelajaran sepanjang hayat dan keterlibatan komuniti**.

Pelaksanaan bidang tumpuan diperkukuh melalui penerbitan buku Wajah Alumni Citra Bitara yang menghimpunkan lebih 1,100 alumni cemerlang dari 44 PTj dan buku Alumni Dewan Latehan RIDA. Ia adalah manifestasi penghargaan terhadap peranan alumni dalam membentuk naratif UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_K01_KB03_20251_Bukti Kempimpinan-1.3.1-Mesyuarat MeTIC tahun 2024.pdf](#)
2. [B0075_K01_KB03_20252_Bukti Kepimpinan-1.3.2- Senarai PI cascade kepada PTj.pdf](#)
3. [B0075_K01_KB03_20253_Bukti Kepimpinan-1.3.3- Poster Sambutan 25 Tahun UiTM.pdf](#)
4. [B0075_K01_KB03_20254_Bukti Kepimpinan-1.3.4-ICAN STEAM Outreach.pdf](#)
5. [B0075_K01_KB03_20255_Bukti Kepimpinan-1.3.5-Buku Citra Bitara dan Buku DLR.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelan pemantauan kepimpinan ICAN merangkumi strategi bersepadu dalam memastikan inisiatif dilaksanakan dan punca ketidakcapaian dikenalpasti dan ditambahbaik:

Pelan ini merangkumi:

1. **Penetapan KPI dan PI yang jelas:** penetapan indikator prestasi utama bagi setiap program.
2. **Pelaporan Berkala:** Pemantauan melalui suku tahunan kepada pengurusan atasan.
3. **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif:** Perbincangan berkala dari setiap pusat untuk menilai kemajuan, cabaran dan keberkesanan inisiatif.
4. **Sesi Libat Urus:** Penglibatan berterusan bersama PTj, rakan industri, komuniti dan alumni.
5. **Sistem Pemantauan Digital:** Menggunakan platform digital iaitu sistem uisms.uitm.edu.my untuk pemantauan.
6. **Tindakan Susulan Strategik:** Menyediakan pelan mitigasi terhadap risiko yang dikenal pasti.

Kepimpinan ICAN memastikan pelaporan secara berkala pencapaian inisiatif-inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan selaras dengan **perancangan ICAN** dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JKIJU), Jawatankuasa Pemandu Kebolehpasaran Graduan, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Pentadbiran ICAN dan Mesyuarat *work in progress* (WIP) bagi aktiviti yang dilaksanakan.

Pemantauan dilaksanakan secara terkawal **melalui Strategic Action Plan (SAP)** di sistem uisms.edu.my bagi memastikan inisiatif yang dilaksanakan memberi impak pembangunan UiTM dan penerima manfaat khususnya komuniti (luar) dan pelajar UiTM. Setiap inisiatif dipantau melalui laporan kemajuan suku tahunan, analisis impak, serta maklum balas/input industri, komuniti dan PTj. Komitmen dan kesungguhan kepimpinan ICAN dalam mencapai KPI dan PI UiTM dilaksanakan dan disemak serta dipantau secara konsisten dan hasilnya menunjukkan peningkatan pencapaian kepada 92.2% pada tahun 2024.

Penetapan sasaran kerja tahunan (SKT) staf ICAN diberi penekanan untuk mempertingkatkan kelestarian ICAN dan proses kerja. Kemahiran staf juga ditingkatkan dengan memastikan staf ICAN diberi latihan dan **pendedahan** melalui penyertaan kursus dan **perkongsian ilmu** bagi **memenuhi jurang kompetensi** staf melalui platform yang sesuai seperti latihan luar dan Knowledge Day@ICAN. Kepimpinan ICAN **menggalakkan** staf menambah ilmu, pengetahuan dan kepakaran dan tiga (3) orang pegawai telah berjaya mendapat kelayakan profesional pada tahun 2023 dan 2024. Melalui peningkatan pengetahuan ini pegawai dapat menyumbang kepada bidang tumpuan.

Selain itu, penggunaan kaedah **PDCA** adalah bagi memastikan setiap tahap pelaksanaan inisiatif dikenalpasti dan dilaksanakan **penambahbaikan berterusan** berdasarkan pencapaian prestasi jaringan industri, komuniti dan alumni. Pembentangan laporan, maklumbalas dan cadangan dari PTj dibentangkan dalam mesyuarat berkaitan bagi memastikan maklumat-maklumat berkenaan digunapakai untuk penambahbaikan proses kerja atau inisiatif yang dilaksanakan.

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_K01_KB04_KC01_20251_Bukti Kepimpinan-1.4.1.1- Penetapan Prestasi-KPI dan PI Tahun 2024.pdf](#)
2. [B0075_K01_KB04_KC01_20252_Bukti Kepimpinan-1.4.1.2 - Pemantauan tindakan di Strategic Action Plan \(sistem uisms\).pdf](#)
3. [B0075_K01_KB04_KC01_20253_Bukti Kepimpinan-1.4.1.3-Kalendar_Takwim ICAN Tahun 2024.pdf](#)
4. [B0075_K01_KB04_KC01_20254_Bukti Kepimpinan-1.4.1.4 - Knowledge Day ICAN.pdf](#)
5. [B0075_K01_KB04_KC01_20255_Bukti Kepimpinan-1.4.1.5-Mesyuarat Pengurusan Eksekutif ICAN.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan objektif yang ditetapkan tercapai, kepimpinan sentiasa cakna dalam ketidakpastian yang boleh menyumbang kepada risiko. Kepimpinan ICAN mengambil **langkah proaktif** dengan menyenaraikan risiko dan pelan mitigasi pengawalan risiko. Kepimpinan ICAN sentiasa memastikan setiap proses kerja sentiasa **dinilai tahap risiko** dan dipantau. Selaras dengan UiTM yang mendapat pengiktirafan yang MS ISO 9001:2015, elemen pengurusan risiko amat dititik berat dalam pengauditan korporat oleh Universiti kepada ICAN.

Merujuk kepada ISO 9001:2015, Klausa 6.1 (Tindakan menyatakan risiko dan peluang) telah menyatakan dengan jelas keperluan **menganalpasti risiko** semasa merancang inisiatif dengan mengambilkira **faktor luaran** (politik, ekonomi, sosial, teknologi, undang-undang) dan **faktor dalaman** (infrastruktur, teknologi, sistem kerja / operasi, kecekapan, persekitaran kerja). Senarai **daftar risiko ICAN** diteliti dan disemak secara berkala oleh Kepimpinan ICAN yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemilik Risiko ICAN melalui bengkel semakan risiko dan mesyuarat jawatankuasa. Pengauditan dalam Audit Korporat UiTM dan Audit Llyods ke atas daftar risiko ICAN pula menjadikan proses kerja berkenaan lebih **terkawal**.

Lantaran itu juga, kepimpinan ICAN memastikan inisiatif yang dilaksanakan mempunyai daftar risiko sendiri. Jawatankuasa Pemilik Risiko ICAN bertanggung jawab menilai tahap risiko berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Pusat Pengurusan Risiko, UiTM mengenalpasti punca risiko dan kaedah kawalan ke atas risiko berkenaan. Kepimpinan ICAN juga sentiasa memastikan tindakan kawalan ke atas risiko dilaksanakan jika berlaku sebarang kejadian yang tidak dirancang kepada proses kerja berkenaan.

Bagi mengurangkan tahap risiko, ICAN secara aktif membuat jaringan rapat dengan industri, agensi kerajaan, komuniti, alumni dan pelajar (sukarelawan). Melalui jaringan rapat ini, ICAN akan dapat mengenal pasti dan maklumbalas dari kesemua pihak tersebut bagi pelaksanaan program yang mencapai keperluan kumpulan sasaran khususnya keperluan alumni dan komuniti. Pemeraksanaan sukarelawan telah dapat dilihat melalui penglibatan pelajar sebagai pasukan di dalam program seperti Hari Industri 2024 dan Perhimpunan Alumni 2024.

Bagi menghadapi kepelbagaian **situasi luar jangka** seperti dijelaskan oleh konsep VUCA (volatility, uncertainty, complexity dan ambiguity), Kepimpinan ICAN sangat komited dalam memastikan bidang tumpuan ICAN tidak terjejas. Sesi **semakan pengurusan risiko** ICAN telah diadakan untuk **menyenarai, menyemak, menilai, menganalisa impak operasi dan perancangan kesinambungan** operasi terhadap semua proses kerja ICAN dalam daftar risiko setiap bahagian fungsi yang terlibat.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_K01_KB04_KC02_20251_Bukti Kepimpinan-1.4.2.1-Pengurusan risiko ICAN.pdf](#)
2. [B0075_K01_KB04_KC02_20252_Bukti Kepimpinan-1.4.2.2 - Penglibatan Pelajar dalam Hari Industri 2024.pdf](#)
3. [B0075_K01_KB04_KC02_20253_Bukti Kepimpinan-1.4.2.3 - Penglibatan Sukarelawan dalam Perhimpunan Alumni tahun 2024.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan ICAN sentiasa komited dalam **menambah baik** proses kerja bagi memastikan bidang tumpuan dicapai dengan cekap dan memenuhi keperluan penerima manfaat. Pencapaian bagi petunjuk prestasi, program dan aktiviti dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) ICAN dan cadangan penambahbaikan dibentangkan dan dikupas secara bersama.

Langkah-langkah bagi mencapai sasaran yang ditetapkan khususnya kepada bidang tumpuan JAKK dibentangkan kepada pengurusan universiti pada tahun 2024 secara sukuan tahunan. **Isu, cabaran dan langkah mitigasi** dibentangkan secara terperinci untuk pengetahuan dan maklumat seluruh PTj (fakulti dan UiTM Cawangan).

Hubungan langsung dan berkesan di antara **Kepimpinan KPT, Lembaga Pengarah Universiti, Kepimpinan Persekutuan Alumni, Kepimpinan Komuniti** dan **Pengurusan Eksekutif Universiti** dengan kepimpinan ICAN pula memberi ruang kepada kepimpinan ICAN mendapatkan maklum balas terus daripada sesi tersebut.

Dalam hal ini, teknologi memainkan peranan sebagai penghubung dan antara kaedah yang dilaksanakan adalah melalui medium mesyuarat rasmi, e-mel rasmi UiTM, *WhatsApp Business*, *telegram* digunakan sebagai mekanisme untuk **menilai** dan memastikan inisiatif-inisiatif dilaksanakan memberi impak positif kepada seluruh sistem, warga UiTM, rakan strategik dan penerima manfaat.

Maklum balas dari sumber-sumber lain termasuk maklumbalas sesi santai **bersama Persekutuan Alumni, alumni tersohor, pihak industri, wakil komuniti, graduan** selain daripada melalui emel rasmi pusat juga diterima oleh pihak ICAN bagi penambahbaikan proses kerja.

Syor-syor **penambahbaikan** dibincangkan oleh kepimpinan ICAN diperingkat operasi ICAN. Penilaian keberkesanan dan pratikaliti pelaksanaan cadangan dikaji kerana sebarang cadangan penambahbaikan kepada jaringan komuniti dan alumni khususnya dalam memberi kesan secara langsung kepada lebih **800,000 alumni UiTM, hampir 300 industri** dan **komuniti** di seluruh negara. Hasil analisa dan kajian pratikaliti berkenaan didibentang dalam mesyuarat pengurusan ICAN bagi mengenalpasti cadangan penambahbaikan yang efektif untuk dilaksanakan.

Penambahbaikan ini telah menghasilkan Penambahbaikan dalam tadbir urus ICAN seperti penyediaan Garis Panduan khusus untuk Jaringan Industri, Jaringan Komuniti, Jaringan Alumni, Penyediaan Bakat Negara, penubuhan jawatankuasa, penubuhan Majlis Alumni serta Pembangunan sistem ICAN2U. **Penambahbaikan** ini memberi manfaat kepada semua rakan strategik ICAN (rakan industri, Persekutuan Alumni, Komuniti dan Komuniti Lestari) dan pelanggan dalaman ICAN (Semua Fakulti, Pusat Akademik) dan UiTM Cawangan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_K01_KB04_KC03_20251_Bukti Kepimpinan-1.4.3.1-Pembentangan isu dan cabaran.pdf](#)
2. [B0075_K01_KB04_KC03_20252_Bukti Kepimpinan-1.4.3.2-Bukti Komunikasi Pelanggan.pdf](#)
3. [B0075_K01_KB04_KC03_20253_Bukti Kepimpinan-1.4.3.3-Sesi Kepimpinan ICAN bersama Persatuan Alumni.pdf](#)
4. [B0075_K01_KB04_KC03_20254_Bukti Kepimpinan-1.4.3.4-Sesi Kepimpinan ICAN bersama Wakil Komuniti.pdf](#)
5. [B0075_K01_KB04_KC03_20255_Bukti Kepimpinan-1.4.3.5 Sesi - Kepimpinan ICAN Melibatkan Kesukarelawan.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan ICAN menetapkan **tagline ICAN...Comprehensively Excellent** untuk mendokong nilai ESI-iDART dalam memperkasakan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Komitmen ini diterjemahkan melalui pelaksanaan program (seperti sambutan 25 Tahun UiTM sebagai Sebuah Universiti), meluaskan jaringan melalui rakan industri baharu, komuniti baharu dan menggalakkan penyertaan pelajar khususnya sebagai sukarela dalam hampir kesemua program yang dilaksanakan.

Pembudayaan kecemerlangan yang diterapkan mulai Februari 2024 selari dengan visi dan misi UiTM dan fokus hala tuju KPT melalui **pembudayaan ICAN...Comprehensively Excellent**. Budaya ini meletakkan semua usaha dan pelaksanaan program/aktiviti dilaksanakan dengan cekap, tangkas, cemerlang, bersinergi dan menjana pendapatan kepada universiti.

Kepimpinan ICAN juga komited dalam membudayakan tadbir urus yang telus, tangkas dan responsif bagi menjamin kelestarian fungsi utamanya selaras dengan aspirasi strategik universiti. Pada tahun 2024, struktur tadbir urus telah diperkukuh melalui pelantikan semula **Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JKIJU)** serta penubuhan **Jawatankuasa Pemandu Kebolehpasaran Graduan** untuk menyokong ekosistem jaringan yang lebih holistik dan mampan. Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni) memainkan peranan strategik sebagai ahli Mesyuarat Senat, ahli pengurusan eksekutif universiti, dan juga Pengerusi kepada kedua-dua jawatankuasa ini. Kepimpinan ini amat penting dalam memastikan fungsi teras ICAN terus lestari, merangkumi jaringan industri, jaringan komuniti, penglibatan alumni dan pemindahan ilmu, serta kekal relevan dan selari dengan matlamat universiti untuk memperkukuh hubungan luar yang memberi impak tinggi kepada kebolehpasaran graduan, kesejahteraan komuniti dan pembangunan lestari.

Keberhasilan strategi ICAN bergantung kepada integrasi menyeluruh antara warga universiti dan pemegang taruh luar melalui pendekatan quintuple helix, iaitu kerjasama rentas universiti, industri, komuniti, kerajaan dan alam sekitar. Libatsama ini diperkasa menerusi penglibatan aktif fakulti, pusat akademik dan UiTM Cawangan melalui pelbagai kaedah komunikasi strategik. Antaranya termasuk sesi libat urus bersama Timbalan Naib Canselor secara fizikal dan dalam talian, serta platform formal seperti Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (ICAN) bersama Timbalan Rektor (PJI/iCARE), Timbalan Dekan (ICAN/PJI) dan Koordinator (ICAN). Pendekatan ini bukan sahaja menyokong pencapaian objektif jaringan, malah memperkukuh budaya **partisipatif** dan penyelarasan pelaksanaan strategi di semua peringkat universiti.

ICAN telah terlibat dalam memainkan peranan utama di dalam **kerjasama rentas universiti** iaitu di Majlis Malam Alumni Universiti Awam 2024 pada 17 Ogos 2024 di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur yang dihadiri seramai 600 alumni dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh negara. Majlis ini dirasmikan oleh YAB Menteri Pendidikan Tinggi. Majlis ini bertujuan bagi memperkukuhkan hubungan universiti dengan alumni sekali gus membangkitkan semangat alumni untuk terlibat secara langsung dengan pihak kerajaan serta universiti bagi memampakan sektor pendidikan tinggi negara. Penganjuran julung kali ini telah diberi amanah kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai tuan rumah dan UiTM (ICAN) sebagai **Jawatankuasa Jemputan dan Protokol**.

Dari aspek transformasi digital, **inisiatif ICAN2U** telah menjadi pemacu utama kepada usaha perluasan akses dan keterlihatan aktiviti jaringan universiti. Platform ini membolehkan PTj untuk mengakses dashboard dan data berkaitan fungsi di ICAN yang belum ada dibangunkan sebelum ini. Melalui pendekatan digital yang **inklusif**, ICAN memastikan tiada golongan terpinggir daripada peluang jaringan sama ada di kampus induk atau cawangan. Teknologi ini

mempertingkatkan pengalpaan, pemahaman, penernaan, mntaan serta pelaparan mpai jaringan secara menyeluruh dan boleh diakses oleh semua lapisan pengguna.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_K01_KB05_20251_Bukti Kepimpinan-1.5.1.1-Terma Rujukan JK Induk Jaringan Universiti .pdf](#)
2. [B0075_K01_KB05_20252_Bukti Kepimpinan - 1.5.1.2 - Terma Rujukan JK Pemandu GE.pdf](#)
3. [B0075_K01_KB05_20253_Bukti Kempimpinan-1.5.1.3-Pemetaan Fungsi dan Model Quintuple Helix.pdf](#)
4. [B0075_K01_KB05_20254_Bukti Kepimpinan-1.5.1.4-Kerjasama Rentas Universiti dan Libat urus ICAN bersama PTj.pdf](#)
5. [B0075_K01_KB05_20255_Bukti Kepimpinan-1.5.1.5-Transformasi Digital - ICAN2U.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) memainkan peranan penting dalam pelaksanaan strategik **Pelan Strategik UiTM 2025**, khususnya teras Kecemerlangan Global dengan fokus **pada ST5 – Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni**. Melalui pusat-pusat seperti INC, CNC, ANC, dan SCDC, ICAN menyokong **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)** dan **Model Quintuple Helix** yang menggabungkan akademia, industri, komuniti, kerajaan, dan alam sekitar dalam ekosistem saling bergantung untuk menggerakkan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan secara berkesan. Untuk merealisasikan matlamat ini, ICAN mengadaptasi kitaran kualiti **PDCA** sebagai pendekatan holistik yang membina kesinambungan perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan penambahbaikan secara bersepadu dan berterusan. Selain itu, ICAN juga sentiasa menekankan pendekatan Believe, Strategize, and Execute (BSE) dalam memperkukuh jaringan kerjasama serta hubungan alumni, terutamanya dalam setiap aspek perancangan dan pelaksanaan program, sejajar dengan slogan *“Comprehensively Excellent”*.

Fasa **perancangan** bermula dengan proses penyusunan pelan strategik yang menyeluruh berdasarkan analisis keperluan, aspirasi organisasi dan kemungkinan cabaran dalaman serta luaran. ICAN menitikberatkan penetapan **Indikator Prestasi Utama (KPI)** yang spesifik, terukur, dan selaras dengan sasaran Pelan Strategik UiTM 2025. Perancangan ini merangkumi penyelarasan program dan inisiatif yang menghubungkan pelbagai pihak berkepentingan seperti industri, komuniti, alumni dan kesukarelawan bagi memperkukuh jaringan kerjasama yang berimpak tinggi. Selain aspek program, rencana penyediaan kemudahan infrastruktur digital dan sumber daya manusia turut disusun untuk menyokong pelaksanaan yang efektif dan efisien.

Fasa **pelaksanaan** memberi fokus kepada penyediaan kemudahan dan sokongan menyeluruh yang melibatkan tiga aspek utama, iaitu infrastruktur, kewangan dan pengurusan sumber manusia. ICAN juga memastikan infrastruktur kerja yang mencukupi, termasuk penggunaan teknologi terkini bagi mempercepatkan proses pengurusan dan komunikasi. Sumber kewangan yang mencukupi diagihkan mengikut keperluan serta pemantauan ketat dijalankan bagi memastikan integriti perbelanjaan. Dari segi sumber manusia, latihan berterusan dan pembangunan profesional dilaksanakan untuk mempertingkatkan keupayaan pengurusan strategi dan operasi Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) secara keseluruhan. Pelaksanaan ini juga merangkumi pengurusan kolaborasi bersama rakan kongsi industri, alumni dan komuniti melalui **Memorandum Persefahaman** dan program-program yang relevan demi memastikan jaringan strategik dapat direalisasikan secara menyeluruh.

Fasa **pemantauan** menjadi elemen penting untuk menilai keberkesanan pelaksanaan pelan strategik. ICAN menyediakan laporan kemajuan secara berkala yang dibentangkan dalam **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)** dengan tujuan menyampaikan status pencapaian KPI dan mengenal pasti isu-isu yang timbul. Laporan ini merangkumi analisis data kuantitatif dan kualitatif berkaitan aktiviti pelatihan, penempatan pelajar, penyelidikan bersama serta penglibatan alumni dan komuniti dalam pelbagai program. Melalui pemantauan yang konsisten ini, pengurusan ICAN dapat mengesan sebarang penyimpangan dari matlamat asal dan mengambil pendekatan proaktif dalam menanganinya. Sistem pemantauan ini juga menggalakkan budaya ketelusan dan akauntabiliti dalam organisasi.

Fasa **penambahbaikan** diterapkan melalui perbincangan isu serta pelaksanaan tindakan susulan secara berkala di dalam mesyuarat rasmi ICAN, termasuk mesyuarat pengurusan dan mesyuarat berkaitan jaringan strategik. Tindakan penambahbaikan yang berterusan meliputi pengemaskinian dasar, pelarasan strategi pelaksanaan, serta inovasi teknologi dan metodologi yang menyokong kemajuan matriks pencapaian. ICAN juga menggalakkan budaya

pembelajaran dari pengalaman dan maklum balas rakan kongsi demi meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan. Kesemua usaha ini disesuaikan dengan objektif Pelan Strategik UiTM 2025 agar ICAN kekal berupaya menjana impak positif dan berdaya saing secara berpanjangan di peringkat global.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

ICAN berperanan memperkukuh jaringan komunikasi dan perkongsian pelbagai pihak berkepentingan seperti industri, komuniti, alumni dan kesukarelawan bagi menyokong visi UiTM melalui Pelan Strategik UiTM 2025, khususnya teras kedua iaitu **Kecemerlangan Global dengan fokus tema ST5 – Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni**.

ICAN menerajui usaha membina jaringan strategik yang komprehensif dan berimpak tinggi bagi modal insan, pembangunan masyarakat serta kelangsungan pembangunan institusi melalui program bersepadu. Jabatan ini mengikut **Indikator Prestasi Utama (KPI)** yang ditetapkan oleh **Bahagian Transformasi Universiti (BTU)**, termasuk peningkatan peratusan graduan bekerja (PI018), bilangan alumni usahawan (PI019), penambahan memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian kerjasama (MoA) dengan industri antarabangsa dan tempatan (PI072–PI074). ICAN memantapkan program tanggungjawab sosial universiti (USR) (PI075) dan pemindahan pengetahuan (KTP) (PI076), dengan pengurusan dana bersepadu untuk program-program ini (PI077 & PI078). Selain itu, jabatan tersebut mengukur impak melalui bilangan komuniti yang mendapat manfaat daripada projek penyebaran ilmu dan teknologi (PI079), penglibatan alumni sebagai pakar khidmat (PI080), serta program pengurangan kemiskinan SIFAR (PI136). Pendaftaran dan penglibatan dalam platform digital **MyAlumni Virtual Card** turut dipantau (PI138).

Dalam memperkukuh hubungan dengan sektor industri, ICAN giat memeterai MoU dan MoA bagi menyediakan peluang latihan dan penempatan pelajar yang relevan dengan keperluan industri terkini. Contohnya, melalui **program Higher Education-Industry Graduate Placement (HEIGIP)**, pelajar memperoleh latihan praktikal yang menekankan kemahiran profesional. Keberkesanan program ini dinilai melalui laporan bersama pelajar dan industri yang menjadi indikator penting untuk memastikan kualiti hasil latihan. Selain itu, ICAN memfasilitasi “perkongsian pintar” antara akademik dengan komuniti, industri, dan alumni untuk meningkatkan peluang latihan, penempatan kerja, penyelidikan kolaboratif, dan mobiliti tenaga kerja. Sinergi ini mendorong inovasi dan pembangunan kapasiti graduan UiTM yang berdaya saing dan kompeten.

ICAN mengamalkan pendekatan holistik dalam pembangunan modal insan melalui program khidmat masyarakat dan kesukarelawanan bermakna. Inisiatif seperti **One ICAN, Inside Career Expo 2023/24, Uni Madani dan Sejati Madani** merupakan program yang menghubungkan komuniti universiti dengan kumpulan sasaran berlainan, dengan penglibatan alumni yang aktif. Keberkesanan program didokumenkan melalui laporan impak yang menunjukkan perubahan positif di komuniti setempat. ICAN berperanan sebagai sumber kepakaran dan penyumbang dana luar bagi pelbagai program universiti melalui kerjasama strategik dengan agensi seperti **KPT PENJANA** dan program upskilling. Langkah ini memastikan pembangunan kapasiti universiti sejajar dengan keperluan pembangunan negara dan konsep kelestarian.

Pengukuhan jaringan alumni diperkasa melalui penghasilan Buku Wajah Alumni Citra Bitara yang melibatkan 1,100 alumni dari 44 fakulti dan kampus UiTM. Alumni menunjukkan komitmen menyumbang dari segi kewangan dan infrastruktur sebagai tanggungjawab sosial terhadap universiti. Untuk memastikan keberkesanan dan kelangsungan inisiatif, ICAN mengadakan bengkel perancangan strategik tahunan, seperti Bengkel Perancangan Strategik ICAN, menumpukan pada analisis SWOT, penentuan sasaran KPI baharu. Laporan bengkel menjadi dokumen rujukan utama dalam merangka hala tuju jabatan. Pemantauan berterusan dijalankan melalui mesyuarat eksekutif bulanan dan audit dalaman InQka bagi mengekalkan pengurusan yang berkesan dan berintegriti.

ICAN menumpukan usaha membangunkan jaringan inklusif, bersepadu dan berdaya tahan melalui kolaborasi erat dengan industri, komuniti dan alumni. Sokongan aktiviti kesukarelawanan dan pembangunan modal insan menyumbang signifikan ke arah mencapai matlamat Pelan Strategik UiTM 2025 dalam merealisasikan kecemerlangan global melalui tema ST5: Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni.

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_P01_PB02_20251_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.2-Higher Education-Industry Graduate Placement \(HEIGIP\).pdf](#)
2. [B0075_P01_PB02_20252_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.2-INDUSTRY DAY-Uni Madani-Sejati Madani.pdf](#)
3. [B0075_P01_PB02_20253_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.2-SURAT KELULUSAN PELAKSANAAN PROGRAM DI BAWAH PENJANA KPT-CAP.pdf](#)
4. [B0075_P01_PB02_20254_ICAN_Bukti PERANCANGAN STRATEGIK-2.2-2.3-CITRA BITARA.pdf](#)
5. [B0075_P01_PB02_20255_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.4-KPI PI 2024_2025_TNC ICAN_08022024-PELAPORAN 2024_compressed.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Jabatan Jaringan, Komuniti dan Alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM) melaksanakan Program One ICAN sebagai salah satu inisiatif utama dalam memperkukuh struktur organisasi dan budaya kerja yang dinamik dan proaktif. Program ini selaras dengan aspirasi UiTM untuk menjadi sebuah universiti bertaraf global menjelang tahun 2025, sebagaimana digariskan dalam visi "Globally Renowned University 2025". Melalui pendekatan holistik ini, One ICAN bukan sahaja berfokus kepada pengukuhan kompetensi sumber manusia di peringkat jabatan, malah turut menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing, sejajar dengan matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) 2021-2025 yang menekankan pembangunan bakat masa hadapan dan peningkatan kualiti pendidikan.

Salah satu inisiatif strategik yang signifikan ialah penghasilan Buku Wajah Alumni Citra Bitara, yang menghimpunkan rekod sebanyak 1,100 alumni dari 44 fakulti dan kampus di seluruh negara. Usaha ini bertujuan mengukuhkan jaringan alumni sebagai aset penting universiti dalam membina kerangka sokongan sosial dan profesional yang berkesan. Selari dengan penghargaan terhadap warisan institusi, penerbitan Buku Alumni Dewan Latehan RIDA turut dilaksanakan sebagai simbol penghargaan terhadap sejarah dan jasa institusi dalam melahirkan pemimpin dan tokoh berwibawa.

Kolaborasi bersama alumni terus dipertingkatkan melalui program jaringan kerjaya, mentorship dan penyediaan dana (funding) yang memberi peluang kepada alumni dan pelajar untuk saling berkongsi pengalaman, memperluas rangkaian profesional serta menggalakkan pembangunan kerjaya secara berterusan. Aktiviti-aktiviti engagement seperti sesi jejaring, seminar dan pertemuan alumni dijalankan untuk mengekalkan dan memperkukuh hubungan serta memupuk semangat keterlibatan bersama.

Dalam konteks Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer), jabatan menggariskan Garis Panduan Pemindahan Ilmu yang bertujuan memastikan penyebaran ilmu dan pengalaman antara alumni, masyarakat universiti dan industri berlaku secara terancang dan berkesan. Salah satu inovasi terkini ialah penggunaan MyAlumni Virtual Card sebagai tanda pengesahan kehadiran konvokesyen bermula tahun 2024, yang memudahkan pengurusan data serta memperkukuh hubungan digital antara alumni dengan universiti.

Untuk memperluaskan impak program-program ini, jabatan menggalakkan penyelarasan aktiviti dan pelaksanaan yang lebih bersepadu merentas fakulti, kampus dan rakan kongsi strategik luar. Penggunaan teknologi digital dalam menghubungkan alumni dan mempercepatkan penyebaran maklumat dilihat sebagai alat penting dalam memperkukuh jaringan strategik. Selain itu, fokus diberikan kepada pengembangan program mentorship yang meliputi pembangunan kemahiran insaniah dan kompetensi profesional bagi graduan dan alumni melalui kerjasama dengan industri dan komuniti.

Pelaksanaan inisiatif strategik ini bukan sahaja menyokong pencapaian aspirasi UiTM sebagai universiti bertaraf antarabangsa, tetapi juga selari dengan matlamat pembangunan negara termasuk RMK-12 yang mengutamakan pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan literasi digital. Secara keseluruhan, strategi ini memastikan kesinambungan sumbangan Jabatan Jaringan, Komuniti dan Alumni dalam membina modal insan yang inovatif, responsif dan berdaya saing demi kemajuan universiti, masyarakat dan negara.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_P01_PB03_20251_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.3-RMK 12.pdf](#)

2. [B0075_P01_PB03_20252_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.3 Garis Panduan \(1\) \(1\).pdf](#)
3. [B0075_P01_PB03_20253_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.3-My Virtual Card Alumni.pdf](#)
4. [B0075_P01_PB03_20254_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.3-Globally Renowned University.pdf](#)
5. [B0075_P01_PB03_20255_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.3-CHERITA ALUMNI DEWAN LATIHAN RIDA \(1\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelan pemantauan strategik Jabatan Jaringan, Komuniti dan Alumni (ICAN) dilaksanakan secara bersepadu dan sistematik bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik dicapai dengan berkesan dan berterusan. Salah satu mekanisme utama pemantauan adalah melalui Mesyuarat Pengurus Eksekutif (MPE) dwibulanan, di mana laporan kemajuan yang lengkap dan terperinci dibentangkan. Laporan ini merangkumi status pencapaian KPI seiring dengan Pelan Strategik UiTM, penglibatan industri dan alumni, serta kemajuan program latihan, penyelidikan dan penempatan pelajar. Sebagai contoh, pelaksanaan Mesyuarat Pengurus Eksekutif (MPE) bulanan melibatkan ketua jabatan dan pengurusan kanan membolehkan pemantauan KPI dan penyelarasan strategi secara berkesan dilaksanakan. Minit mesyuarat dan laporan kemajuan berfungsi sebagai bahan rujukan resmi dalam sistem pemantauan universiti.

Audit dalaman InQka dijalankan secara berkala sebagai langkah verifikasi tambahan untuk memastikan pelaksanaan strategi mengikut garis panduan yang ditetapkan serta mengenalpasti sebarang risiko dan kelemahan dalam pelaksanaan program. Proses audit ini membolehkan penambahbaikan segera dilakukan bagi memastikan keberkesanan mencapai objektif jangka panjang universiti.

Selain itu, penilaian berterusan terhadap program engagement dan aktiviti alumni dijalankan untuk menilai tahap penglibatan serta impak program kepada komuniti. Analisis maklum balas pelajar dan industri melalui penggunaan Alumni Virtual Card menjadi instrumen inovatif dalam mendapatkan data terkini mengenai kepuasan dan keberkesanan program. Maklum balas ini membolehkan jabatan mengenal pasti keperluan semasa dan mengadaptasi program agar lebih relevan dengan dinamik industri dan kehendak komuniti.

Pemantauan juga meliputi penilaian keberkesanan program pembangunan komuniti dan aktiviti sukarelawan yang dijalankan secara holistik bagi memupuk pembangunan modal insan dan kepimpinan sosial. Hasil penilaian ini dimanfaatkan untuk memperbaiki pendekatan pelaksanaan dan memperluas capaian impak sosial.

Perancangan aktiviti tahunan turut dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) sebagai usaha memastikan kesinambungan dan keseelarasan semua inisiatif dengan objektif strategik. Pendekatan proaktif ini memastikan jabatan terus berdaya tahan dan responsif terhadap perubahan serta cabaran baru.

Secara keseluruhan, pelan pemantauan yang mantap dengan gabungan laporan berkala, audit dalaman, serta analisis maklum balas membolehkan Jabatan Jaringan, Komuniti dan Alumni melaksanakan strategi dengan berkesan, memaksimumkan keberhasilan program dan mencapai misi universiti secara konsisten.

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_P01_PB04_PC01_20251_ICAN_PERANCANGAN STRATEGIK-2.4.1-Mesyuarat Pengurusan Eksekutif \(MPE\).pdf](#)
2. [B0075_P01_PB04_PC01_20252_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.4.1-PEMANTAUAN LAPORAN AUDIT INQKA.pdf](#)
3. [B0075_P01_PB04_PC01_20253_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.4.1-KPI PI 2024_2025_TNC ICAN_08022024-PELAPORAN 2024_compressed.pdf](#)
- 4.
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

dan inisiatif strategik berkaitan.

Pelaksanaan perancangan strategik di peringkat Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) menghadapi pelbagai risiko yang berpotensi menjejaskan kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Antara risiko utama yang dikenal pasti adalah kekurangan sumber, rendahnya penglibatan pihak berkepentingan, perubahan dasar atau persekitaran, kelemahan dalam pengurusan data dan komunikasi, kegagalan pemantauan dan penilaian yang sistematik, serta isu reputasi dan persepsi.

Kekurangan sumber termasuk peruntukan bajet dan tenaga kerja yang tidak mencukupi boleh mengganggu kelancaran pelaksanaan program. Oleh itu, penstrukturan semula bajet dan penyusunan semula tugas dilakukan secara strategik, disokong oleh kerjasama rentas jabatan untuk memaksimumkan penggunaan sumber yang ada. Penglibatan stakeholder yang rendah pula ditangani melalui pelaksanaan program engagement yang intensif, sesi konsultasi awam dan pelantikan duta alumni serta industri sebagai agen penghubung dan penyemarak jaringan.

Perubahan dasar kerajaan atau persekitaran sosial ekonomi memerlukan sesi semakan pelan strategik secara berkala bagi mengemaskini strategi agar responsif terhadap dinamik terkini. Dalam aspek pengurusan data dan komunikasi, kelemahan dikenalpasti sebagai halangan kepada integrasi maklumat dan koordinasi yang efektif. Maka, digitalisasi data dan penggunaan platform komunikasi rasmi diterapkan untuk meningkatkan ketepatan dan kecekapan komunikasi dalaman dan luaran.

Kegagalan dalam aspek pemantauan dan penilaian boleh melemahkan kemampuan organisasi mengenal pasti kekurangan dan membuat penambahbaikan secara tepat waktu. Penggunaan risk register sebagai alat pengurusan risiko, pelaksanaan audit dalaman secara tetap serta laporan kemajuan berkala adalah langkah proaktif mengatasi risiko ini. Isu reputasi dan persepsi juga merupakan risiko serius yang diuruskan melalui Prosedur Operasi Standard (SOP) komunikasi krisis, latihan pengurusan isu serta pemantauan media secara aktif.

Secara keseluruhan, pengurusan risiko dalam perancangan strategik Jabatan Jaringan Industri, Komuniti Dan Alumni (ICAN) dijalankan melalui pendekatan menyeluruh dan berterusan. Risiko dikenal pasti dengan jelas, dinilai tahap impaknya dan dikawal melalui strategi mitigasi yang sistematik. Proses ini disokong oleh mekanisme pelaporan risiko secara berkala kepada pengurusan tertinggi untuk memastikan tindakan segera diambil apabila diperlukan. Pendekatan ini menyumbang kepada pembangunan Jabatan Jaringan Industri, Komuniti Dan Alumni (ICAN) yang tangkas, berdaya tahan, dan mampu mencapai sasaran strategiknya walaupun dalam persekitaran yang mencabar.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_P01_PB04_PC02_20251_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.4.2 Garis Panduan.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisaan perancangan strategik Jabatan Jaringan, Komuniti dan Alumni (ICAN) menunjukkan keperluan kritikal untuk pengukuhan proses penambahbaikan secara berterusan dan berfokus pada keberkesanan pencapaian objektif. Ini bermula dengan penetapan KPI yang jelas dan relevan, di mana pengurusan kanan secara aktif menyemak dan menetapkan sasaran KPI yang lebih realistik serta selaras dengan objektif strategik universiti. Pemantauan berterusan dijalankan melalui mesyuarat pengurusan, laporan kemajuan berkala dan sistem pemantauan digital yang canggih. Sebarang ketidakcapaian sasaran segera diambil tindakan pembetulan bagi memastikan kesinambungan pencapaian.

Penambahbaikan juga melibatkan kajian menyeluruh terhadap proses kerja dan prosedur operasi standard (SOP) untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program dalam bidang alumni, komuniti dan industri. Penggunaan teknologi seperti digitalisasi maklumat dan automasi proses turut digalakkan demi mempercepatkan operasi dan mengurangkan kesilapan. Usaha ini memperkukuh budaya kerja yang inovatif serta berorientasikan kualiti.

Bagi meningkatkan keupayaan sumber manusia, latihan dan bengkel pembangunan profesional dilaksanakan secara sistematik untuk membina kemahiran pengurusan program, komunikasi serta penggunaan sistem digital terkini. Perkongsian ilmu secara dalaman antara Jabatan Jaringan Industri, Komuniti Dan Alumni (ICAN) dan fakulti turut diamalkan bagi mempertingkatkan praktik terbaik (best practices) secara kolektif. Dalam konteks pengukuhan jaringan, jabatan proaktif mengadakan kerjasama strategik baru berasaskan hasil maklum balas dan penilaian program terdahulu, sementara engagement dengan alumni, industri dan komuniti dipertingkatkan melalui pelbagai platform komunikasi rasmi dan tidak rasmi seperti portal, aplikasi alumni, sesi townhall dan roadshow. Pendekatan ini memupuk keterlibatan serta daya tahan jaringan kerjasama.

Tindakan penambahbaikan yang berasaskan data dan maklum balas menjadi asas bagi rombakan atau penggantian program yang kurang berkesan kepada inisiatif lebih relevan mengikut isu dan trend semasa. Pengurusan risiko juga diintegrasikan secara proaktif dalam setiap pelan penambahbaikan, dengan pelaporan risiko melibatkan staf pelaksana serta pengurusan atasan agar tindakan mitigasi dapat dilaksanakan secara cepat dan tepat. Bagi mengekalkan motivasi berterusan, pengiktirafan dan insentif diberikan kepada individu atau kumpulan yang menyumbang signifikan terhadap kejayaan program melalui sijil dan anugerah seperti METIC. Prinsip ini menggalakkan budaya kerja cemerlang dalam kalangan staf, pelajar, alumni dan rakan industri.

Secara keseluruhannya, proses mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan yang sistematik ini memastikan organisasi kekal responsif, adaptif dan berkesan dalam merealisasikan visi dan misi strategik universiti secara berterusan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_P01_PB04_PC03_20251_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.4.3 - MeTIC.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan Kanan di Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) memainkan peranan penting dalam menggerakkan organisasi ke arah pencapaian objektif dan inisiatif strategik yang digariskan selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025, Teras 2: Kecemerlangan Global, khususnya fokus tema ST5 – Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni. Kepimpinan Kanan mengetuai koordinasi antara unit-unit teras, termasuk Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Pembangunan Komuniti Lestari, untuk memastikan penyelarasan operasi dan program berjalan seiring dengan visi universiti.

Salah satu usaha utama yang dijalankan adalah integrasi data alumni secara holistik bersama fakulti dan persatuan alumni. Pendekatan ini memudahkan pemantauan dan analisis secara menyeluruh terhadap keterlibatan alumni serta impak mereka dalam pelbagai program pembangunan universiti dan komuniti. Hasil analisis yang diperoleh daripada bengkel strategik, mesyuarat eksekutif dan audit dalaman disalurkan untuk tindakan penambahbaikan yang berterusan, memastikan setiap input dan penemuan dapat dimanfaatkan bagi memperkemas pelaksanaan program.

Di samping itu, kepimpinan kanan memastikan sinergi mahupun penyepaduan program seperti ICAN menjadi tulang belakang kepada pembangunan modal insan berkualiti yang seiring dengan aspirasi UiTM sebagai institusi pendidikan tinggi bertaraf global. Pendekatan ini mendorong peningkatan keterlibatan Jabatan Jaringan Industri, Komuniti Dan Alumni (ICAN) dan seluruh komuniti UiTM dalam program berteraskan industri, komuniti dan alumni, sekaligus melonjakkan reputasi universiti dalam arena global.

Melalui pengurusan yang proaktif dan visi yang jelas, kepimpinan kanan memastikan semua aktiviti jaringan, penyelidikan bersama, penempatan pelajar dan penglibatan komuniti dirancang dan dilaksanakan secara selaras dan bersepadu. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan dan kesan jangka panjang program, tetapi juga menambah baik hubungan kerjasama antara jabatan, fakulti dan rakan kongsi luar.

Kesimpulannya, kepimpinan kanan berperanan sebagai pemangkin utama dalam menggerakkan integrasi menyeluruh di peringkat Jabatan Jaringan Industri, Komuniti Dan Alumni (ICAN), menggalakkan budaya kolaborasi, inovasi dan kecemerlangan demi mencapai visi universiti yang komprehensif dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_P01_PB05_20251_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.5-Pelan Strategik UiTM 2025 Teras 2 - Kecemerlangan Global, khususnya fokus tema ST5 \(1\).pdf](#)
- 2.
3. [B0075_P01_PB05_20253_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.5-Pelan Strategik UiTM 2025 Teras 2 - Kecemerlangan Global, khususnya fokus tema ST5 \(1\).pdf](#)
4. [B0075_P01_PB05_20254_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.5-Pelan Strategik UiTM 2025 Teras 2 - Kecemerlangan Global, khususnya fokus tema ST5 \(1\).pdf](#)
5. [B0075_P01_PB05_20255_ICAN_Bukti-PERANCANGAN STRATEGIK-2.5-Pelan Strategik UiTM 2025 Teras 2 - Kecemerlangan Global, khususnya fokus tema ST5 \(1\).pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

ICAN telah merangka pelan strategik berasaskan pendekatan kitaran **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** bagi memperkukuh hubungan dengan pelanggan utama organisasi, iaitu komuniti dan alumni. Pendekatan ini bukan sahaja sistematik, malah bersifat dinamik dalam memastikan setiap langkah yang diambil adalah berasaskan data dan maklum balas yang sahih. Dalam fasa Perancangan (Plan), ICAN mengenal pasti keperluan dan potensi kerjasama dengan komuniti seperti penglibatan Timbalan Dekan (TD), Timbalan Rektor (TRek), pensyarah, pelajar, rakan komuniti dan ibu bapa serta alumni yang aktif dalam pelbagai bidang profesional dan sosial. Fokus utama adalah membina jaringan sokongan melalui aktiviti kesukarelawan yang memberi impak sosial dan memperkukuh imej institusi sebagai entiti yang prihatin terhadap pembangunan masyarakat.

Fasa **Pelaksanaan (Do)** melibatkan penganjuran pelbagai program komuniti dan alumni yang bersifat inklusif, menyeluruh serta berimpak tinggi. Program-program ini dirancang dengan teliti bagi memastikan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat, termasuk alumni, pelajar, pensyarah, dan komuniti setempat, agar dapat mewujudkan suasana kolaboratif yang menyokong pembangunan sosial dan akademik. Antara aktiviti utama yang dilaksanakan termasuk bengkel kemahiran, forum ilmiah, sesi perkongsian pengalaman, dan program khidmat masyarakat yang memberi manfaat langsung kepada komuniti sasaran. Setiap program dirangka dengan mengambil kira keperluan semasa masyarakat dan potensi sumbangan daripada alumni yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang. Salah satu contoh program yang berjaya dilaksanakan ialah *Beach Cleaning* UiTM-Maybank di bawah inisiatif CEO@Faculty, yang merupakan hasil kerjasama strategik antara institusi dan sektor korporat, khususnya alumni UiTM yang kini memegang jawatan penting dalam organisasi besar. Program ini bukan sahaja menunjukkan komitmen institusi terhadap pemeliharaan alam sekitar, malah menjadi platform untuk memperkukuh hubungan antara alumni dan universiti. Selain itu, program ini turut memupuk semangat kesukarelawan yang tinggi dalam kalangan pelajar dan alumni. Mereka bukan sahaja menyumbang tenaga dan masa, tetapi juga menunjukkan rasa tanggungjawab sosial yang mendalam terhadap komuniti. Penglibatan aktif ini membuktikan bahawa institusi pendidikan bukan sekadar tempat menimba ilmu, tetapi juga berperanan sebagai agen perubahan sosial yang mampu memberi impak positif kepada masyarakat.

Proses kesukarelawan dirancang secara sistematik, bermula dari pendaftaran, latihan asas, penugasan, hingga kepada pelaporan aktiviti. Ini memastikan setiap sukarelawan memahami peranan mereka dan menyumbang secara efektif kepada kejayaan program. Dalam fasa **Pemantauan (Check)**, ICAN menjalankan penilaian berterusan terhadap keberkesanan program melalui maklum balas peserta, sukarelawan dan pihak berkepentingan. Data dikumpul melalui borang penilaian, sesi refleksi dan laporan aktiviti. Penilaian ini membantu mengenal pasti kekuatan serta ruang penambahbaikan dalam pelaksanaan program. Penilaian ini bukan sahaja membantu mengenal pasti kekuatan program, tetapi juga membuka ruang untuk penambahbaikan dari segi pengurusan, kandungan, dan pendekatan pelaksanaan. Hasil pemantauan ini menjadi asas penting dalam memastikan program yang dijalankan terus relevan, berkesan dan memberi impak positif kepada komuniti sasaran.

Akhirnya, fasa Tindakan **Penambahbaikan (Act)** dilaksanakan berdasarkan dapatan pemantauan. ICAN menambah baik modul latihan sukarelawan, memperluas jaringan alumni aktif, dan memperkemas proses komunikasi dengan komuniti. Penambahbaikan ini bertujuan meningkatkan kepuasan pelanggan dan memastikan kesinambungan program yang relevan dan berkesan. Secara keseluruhan, pendekatan kitaran **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** ini membolehkan ICAN melaksanakan aktiviti yang bukan sahaja memenuhi keperluan pelanggan, tetapi juga memperkukuh peranan institusi sebagai pemangkin pembangunan komuniti dan jaringan alumni yang berdaya saing.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam usaha memperkukuh pelaksanaan projek berimpak tinggi di institusi pengajian tinggi, pendekatan strategik telah dirangka dengan menumpukan kepada tiga bidang utama iaitu Alumni, Komuniti, dan Sukarelawan. Ketiga-tiga bidang ini melibatkan kumpulan sasar yang berbeza, namun saling melengkapi dalam menjayakan inisiatif yang dirancang demi pembangunan holistik institusi dan masyarakat.

Alumni memainkan peranan penting dalam menghubungkan institusi dengan bekas pelajar serta komuniti luar. Kumpulan sasar utama termasuk **graduan konvokesyen** yang baru menamatkan pengajian dan berpotensi untuk terus terlibat dalam aktiviti alumni. **Ibu bapa** graduan pula dilihat sebagai penyokong utama pelajar dan boleh menjadi penghubung kepada komuniti luar. Alumni individu yang kini aktif dalam sektor industri pula berperanan sebagai mentor dan penyumbang kepakaran kepada pelajar dan institusi.

Persatuan Alumni turut memainkan peranan penting melalui kerjasama strategik seperti *podcast* dan kolaborasi dengan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), yang menjadi medium penyebaran ilmu dan jaringan profesional. **Pelajar** semasa juga mendapat manfaat melalui sesi perkongsian ilmu bersama alumni, yang memberi inspirasi dan panduan kerjaya. Pendekatan ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara alumni dan institusi serta memanfaatkan kepakaran mereka dalam memperkasakan pelajar dan program akademik.

Peranan **komuniti** pula menumpukan kepada pelaksanaan projek yang memberi impak langsung kepada masyarakat. Kumpulan sasar bagi bidang ini termasuk **Timbalan Dekan, Timbalan Rektor** dan **Koordinator** yang memainkan peranan penting dalam menyokong dan menyelaras pelaksanaan projek komuniti. **Panel penilai** pula bertanggungjawab dalam menilai keberkesanan dan impak projek yang dijalankan. Ketua dan pelaksana projek merupakan individu yang menggerakkan projek di lapangan dan memastikan objektif tercapai. Peserta bengkel Sistem PRIME Star Rating pula diberi pendedahan dan latihan untuk meningkatkan kefahaman serta kemahiran dalam penilaian projek berimpak tinggi. Melalui pendekatan ini, institusi dapat memastikan setiap projek komuniti yang dijalankan adalah relevan, berkesan dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Inisiatif kesukarelawan merupakan elemen penting dalam membentuk sahsiah pelajar dan membina jaringan profesional. Kumpulan sasar bagi bidang ini merangkumi **Kapten Industri** dan **Alumni Individu** yang berperanan sebagai pemimpin dan pendorong kepada aktiviti kesukarelawan. Timbalan Dekan, Timbalan Rektor dan Koordinator pula bertindak sebagai Pegawai Bertanggungjawab (PIC) bagi program seperti CEO@Faculty. Pelaksana program memainkan peranan dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawan di lapangan, manakala **pelajar** didorong untuk terlibat secara aktif melalui perkongsian ilmu bersama alumni. Pendekatan ini bukan sahaja membina **semangat sukarelawan dalam kalangan pelajar**, malah **menggalakkan penglibatan aktif alumni dan industri** dalam pembangunan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing.

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_T01_TB02_20251_ICAN_Bukti Pelanggan 3.2.1 Data Alumni.pdf](#)
2. [B0075_T01_TB02_20252_ICAN_Bukti Pelanggan 3.2.2 Garis Panduan Jaringan.pdf](#)
3. [B0075_T01_TB02_20253_ICAN_Bukti Pelanggan 3.2.3 Garis Panduan Komuniti.pdf](#)
4. [B0075_T01_TB02_20254_ICAN_Bukti Pelanggan 3.2.4 Libatsama ICAN Covid.pdf](#)
5. [B0075_T01_TB02_20255_ICAN_Bukti Pelanggan 3.2.5 CEOFaculty Alumni UiTM.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan dan pengurusan data pelanggan khususnya alumni telah dilaksanakan secara sistematik melalui pelbagai inisiatif yang telah di buat oleh ICAN. Data alumni dikumpul melalui pendaftaran MyAlumni *Virtual Card* (VC) yang dikumpul melalui penyertaan dalam program universiti seperti Perhimpunan Alumni, dan penglibatan dalam aktiviti komuniti serta kerjasama industri. Maklumat ini disimpan dalam pangkalan data MyAlumni. Mengenai maklumat data komuniti, pangkalan data sistem PRIME Star Rating digunakan menyelia dan memantau ketua dan ahli projek. Selain itu, terdapat pangkalan data khusus bagi lantikan TD/TREK dan Panel Penilai yang memudahkan pengenalanpastian individu berdasarkan peranan dan sumbangan mereka kepada universiti.

Dalam pelaksanaan bidang tumpuan melibatkan kumpulan sasaran secara aktif melalui kaedah pendekatan pelbagai saluran. Alumni dijemput menyertai program seperti Siri Jelajah KaSEH, *Virtual Town Hall*, dan Taklimat MyRA G6 yang bertujuan untuk memperkukuh hubungan dua hala antara alumni dan pihak universiti. Program-program ini bukan sahaja menjadi platform perkongsian maklumat, tetapi juga medium untuk alumni menyuarakan pandangan dan cadangan penambahbaikan.

Strategi perluasan turut melibatkan promosi dan hebahan melalui media sosial rasmi seperti Facebook, Instagram dan Telegram. Penyerahan bunting promosi pendaftaran *MyAlumni* VC kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran dan penyertaan alumni. Sebagai galakan, PTj diberikan geran sebanyak RM7,000 dengan sasaran *outcome* untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 100 nama alumni baharu yang mendaftar. Pendekatan ini membuktikan keberkesanan insentif dalam memperluas capaian dan penglibatan alumni.

Kerjasama strategik bersama industri turut memainkan peranan penting dalam perluasan program. Melalui inisiatif seperti program CEO@Faculty, Lawatan Akademik dan Program *Corporate Social Responsibility* (CSR), alumni diberi peluang untuk menyumbang kepakaran mereka dalam aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan akademik. Program kesukarelawan profesional ini bukan sahaja memberi impak kepada komuniti, tetapi juga memperkukuh imej universiti sebagai institusi yang menggalakkan keterlibatan alumni secara berterusan.

Selain itu, program seperti *Community Speaks* dan sesi perkongsian pengalaman alumni menjadi platform untuk menyemai semangat kekitaan dan memperkukuh jaringan profesional. Hebahan rasmi melalui e-mel dan Telegram MyAlumni memastikan alumni sentiasa dimaklumkan tentang peluang penyertaan dan perkembangan semasa.

Secara keseluruhan, pendekatan perluasan ini berjaya menggabungkan elemen teknologi, komunikasi strategik, insentif kewangan dan kerjasama industri dalam memperkukuh penglibatan alumni. Ia bukan sahaja memperluas capaian data pelanggan, tetapi juga meningkatkan kualiti hubungan antara alumni dan universiti. Melalui penglibatan aktif alumni, universiti dapat membina komuniti sokongan yang kukuh dan berdaya saing, selaras dengan aspirasi untuk menjadi institusi pendidikan tinggi yang unggul dan inklusif.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_T01_TB03_20251_ICAN_Bukti Pelanggan 3.3.1 GP Attachment Programme.pdf](#)
2. [B0075_T01_TB03_20252_ICAN_Bukti Pelanggan 3.3.2 TOR Program Sangkutan CEO.pdf](#)
3. [B0075_T01_TB03_20253_ICAN_Bukti Pelanggan 3.3.3 Program Alumni.pdf](#)
4. [B0075_T01_TB03_20254_ICAN_Bukti Pelanggan 3.3.4 Upskilling Programme.pdf](#)
5. [B0075_T01_TB03_20255_ICAN_Bukti Pelanggan 3.3.5 Program Kolaborasi.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Perhatian khusus dan komprehensif menerusi elemen **Engagement**, **Inclusivity**, **Komunikasi** dan **Accountability** dalam menyantuni pelanggan memberi impak besar kepada ekosistem alumni, komuniti, staf dan pelajar. Bagi Jaringan Alumni, **MyAlumni Virtual Card** bukan sahaja memberi manfaat eksklusif, malah berfungsi sebagai medium **empowerment** untuk mempromosikan syarikat Alumni Usahawan. Platform ini juga menjadi ruang strategik untuk alumni melaksanakan **delegation** ilmu serta menyumbang semula kepada UiTM dengan penuh **integriti**. Melalui usaha ini, alumni bukan sekadar penerima manfaat dan menyumbang semula, tetapi turut menjadi pencetus kepada pembangunan ekosistem universiti yang mampan.

Bagi Jaringan Komuniti, pelaksanaan integrasi di antara Sistem PRIME Star Rating (platform pelaporan) dengan MyATP membuka peluang kepada lebih banyak pelaksanaan projek berimpak tinggi yang memanfaatkan komuniti setempat, sekali gus meningkatkan pencapaian projek bertaraf 3 dan 4 bintang. Pengwujudan Geran Dalam-dalam - *Geran CE-SIR (Community Engagement: Social Innovation Research)* dalam menjawab kepada isu ketiadaan dana bagi pelaksanaan projek komuniti pula dilihat sebagai memperkukuh sokongan dalam-dalam universiti terhadap pelaksanaan inisiatif KaSEH UiTM. Setiap usaha dilaksanakan dengan strategi **komunikasi** yang berkesan antara universiti dan komuniti serta disokong oleh amalan **pengurusan risiko** bagi memastikan keberkesanan, kelestarian projek serta berimpak tinggi. Saranan pihak kerajaan dalam memanfaatkan komuniti menerusi hasil penyelidikan dan kepakaran IPT disahut dan diterjemahkan menerusi inisiatif KaSEH UiTM. Inisiatif ini membuktikan ICAN sentiasa mengutamakan kepelbagaian suara serta cabaran dalam melaksanakan projek komuniti berimpak tinggi dengan nilai **inclusivity**.

Dari aspek kesukarelawan, pelajar memperoleh akses langsung kepada pengalaman industri melalui sesi perkongsian **Kapten Industri** dan pelaksanaan program CSR. Hal ini bukan sahaja meningkatkan **engagement** pelajar dengan dunia pekerjaan, malah mengukuhkan **accountability** alumni yang kembali menyumbang secara profesional dan sukarela. Melalui bimbingan kerjaya dan jaringan industri, graduan lebih berdaya saing serta mampu mengurus risiko masa depan kerjaya dengan lebih terancang. Usaha ini sekali lagi menekankan kepentingan **pemeriksaan** pelajar melalui peluang yang nyata serta sokongan alumni yang komited.

Pengiktirafan alumni melalui MyAlumni dan CSR mencerminkan **budaya integriti** serta **inclusivity**. Alumni dihargai, pelajar terinspirasi. Pelaksanaan ini membina ekosistem bersepadu berasaskan **empowerment**, **delegation**, dan **pengurusan risiko** demi kelestarian UiTM serta komuniti. **Tagline ICAN...comprehensively excellent** yang dilaksanakan menerusi pendekatan **Believe, Strategize and Execute** (BSE) menjadi panduan membentuk budaya profesional dan kecemerlangan warga kerja ICAN.

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_T01_TB04_TC01_20251_ICAN_Bukti Pelanggan 3.4.1.1 Interface myalumni.pdf](#)
2. [B0075_T01_TB04_TC01_20252_ICAN_Bukti Pelanggan 3.4.1.2 Rating Projek komuniti .pdf](#)
3. [B0075_T01_TB04_TC01_20253_ICAN - Bukti 3.4.1.3 - MEU KaSEH.pdf](#)
4. [B0075_T01_TB04_TC01_20254_ICAN_Bukti Pelanggan 3.4.1.4 Program Sukarelawan.pdf](#)
5. [B0075_T01_TB04_TC01_20255_ICAN_Pelanggan Bukti 3.4.1.5 Integrasi MyATP dan PRIME.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko berkaitan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan yang tidak ditangani dengan baik boleh menjejaskan reputasi ICAN serta universiti, sekali gus menurunkan tahap keyakinan pihak berkepentingan. Keupayaan ICAN dalam **pengurusan risiko**, iaitu mengenal pasti punca, tahap risiko dan kawalan, menentukan keberhasilan jangka panjang dalam menyantuni pelanggan serta menjamin kelestarian hubungan strategik.

Bagi Jaringan Alumni, risiko utama ialah **ketirisan data** yang menjejaskan kepercayaan alumni serta persepsi rakan strategik terhadap kemampuan UiTM berkolaborasi. Walaupun **MyAlumni Virtual Card** diwujudkan untuk memberi penghargaan dan faedah, tanpa kawalan terhadap **komunikasi**, **integriti** maklumat dan **akauntabiliti**, reputasi UiTM boleh terancam. Kelemahan ini mengurangkan **engagement** alumni dan industri, mengganggu hubungan jangka panjang yang penting bagi jaringan profesional, sokongan akademik serta peluang kolaborasi. Justeru, UiTM melaksanakan siri **libatsama** seperti **Perhimpunan Alumni**, **Siri Podcast** dan **hebahan pendaftaran** MyAlumni Virtual Card agar data, kepakaran dan bantuan kewangan daripada alumni **tidak dimanipulasi pihak tidak bertanggungjawab**.

Dalam konteks Jaringan Komuniti, risiko utama berkait **pelaksanaan projek**. Jika projek bersifat **one-off**, impaknya terhad dan **gagal memanfaatkan kepakaran** universiti. Kelewatan penilaian star rating, ketiadaan elemen perkongsian ilmu serta kelemahan pelaporan projek, boleh menjejaskan pengiktirafan Projek Komuniti UiTM. Oleh itu, elemen **inclusivity** penting dengan melibatkan pihak berkepentingan sejak awal. **Pembudayaan** pelaksanaan projek berimpak, **delegation** jelas dan **empowerment** kepada ketua projek, **kesinambungan serta keberkesanan** projek dapat dijamin. Projek komuniti tidak lagi sekadar CSR, namun berfokuskan kepada **memberdayakan komuniti** menerusi pemindahan ilmu dan teknologi. Ianya selari dengan **kehendak YAB Menteri Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** yang dizahirkan menerusi fokus ketiga dalam Landasan Hala Tuju KPT 2024.

Bagi Kesukarelawan, risiko termasuk **ketiadaan garis panduan jelas** yang menjejaskan komitmen peserta, contohnya dalam Program CEO@Faculty. Graduan berisiko tidak memenuhi kehendak pasaran kerja jika program peningkatan kemahiran insaniah tidak dirancang strategik. Oleh itu, **accountability** melalui sistem pemantauan jelas diperlukan, di samping **komunikasi** berkesan agar semua memahami matlamat. Melalui **empowerment**, pelajar selaku sukarelawan dapat membina potensi diri dan menyesuaikan kemahiran mengikut **kehendak industri**. Hasilnya, kebolehpasaran pelajar meningkat.

Kesimpulannya, ICAN sentiasa memastikan pelan mitigasi pengurusan risiko bersifat menyeluruh agar risiko dapat ditangani secara berkesan. Usaha ini menjamin inisiatif alumni, komuniti dan kesukarelawan mencapai objektifnya, serta meningkatkan imej UiTM sebagai institusi berdaya saing, berintegriti dan berimpak mampan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_T01_TB04_TC02_20251_ICAN_Bukti Pelanggan 3.4.2.1 Perhimpunan Alumni dan Podcast.pdf](#)
2. [B0075_T01_TB04_TC02_20252_ICAN_Pelanggan Bukti 3.4.2.2 Kriteria Projek Komuniti.pdf](#)
3. [B0075_T01_TB04_TC02_20253_ICAN_Pelanggan Bukti 3.4.2.3 Kaptern Industri.pdf](#)
4. [B0075_T01_TB04_TC02_20254_ICAN_Bukti Pelanggan 3.4.2.4 Data GE.pdf](#)
5. [B0075_T01_TB04_TC02_20255_ICAN_Bukti Pelanggan 3.4.2.5.pdf](#)

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Inisiatif Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan yang dilaksanakan oleh ICAN sentiasa diukur melalui maklum balas pelanggan bagi memastikan **tagline ICAN... Comprehensively Excellent** tercapai. Pengukuran dilaksanakan menerusi kitaran *Plan-Do-Check-Act* yang menekankan kepentingan mengaji semula dasar sedia ada serta melaksanakan tindakan penambahbaikan (**Act**) secara berterusan.

Bagi Jaringan Alumni, pendekatan bermula dengan mengumpul maklumat terkini seperti nombor telefon, emel dan status pekerjaan. Melalui kerjasama dengan Jabatan Digital, sistem **MyAlumni Virtual Card** diperkenalkan. Data sentiasa diverifikasi bagi memastikan keberkesanan komunikasi (**contactable data**), manakala penambahbaikan dibuat melalui pembangunan *version 2* yang membolehkan alumni mengemaskini maklumat peribadi sendiri. **Tambahan ciri** seperti **sistem pengesahan pendaftaran konvokesyen** dan **hot seat** bagi ibu bapa graduan memperkukuh lagi aspek **engagement** dan **accountability**. Pelaksanaan program seperti Perhimpunan Alumni serta penghasilan Mafla Alumni telah dilaksanakan dalam usaha untuk menghargai serta meningkatkan **engagement** berkesan bersama alumni. Selain itu, pengagihan PI kepada PTJ dan pendaftaran **MyAlumni Virtual Card** di kampus telah membantu meningkatkan pendaftaran **MyAlumni**. Bagi memperkukuh usaha ini, setiap PTJ diberikan tanggungjawab untuk melaksanakannya.

Bagi Komuniti, pelaksanaan inisiatif KaSEH UiTM menggariskan perancangan strategik tiga fasa (*awareness, inculcate, internalize*). Aktiviti seperti **Jelajah KaSEH UiTM**, **Program Coaching Series** dan **Virtual Town Hall** menjadi saluran komunikasi yang inklusif. Data projek sentiasa dipantau melalui pelaporan projek komuniti berimpak tinggi menerusi Sistem PRIME Star Rating. Hasil daripada **observation** pelaporan data dan analisa **maklumbalas** yang diterima, penambahbaikan dilakukan dengan penerbitan **Manual Libatsama Komuniti** serta penawaran geran dalaman untuk menggalakkan pelaksanaan projek berimpak tinggi. Selain itu, pembangunan sistem data berpusat iaitu ICAN2U yang berintegrasi dengan pelbagai sistem universiti termasuk Sistem PRIME Star Rating telah dibuat bagi memastikan data boleh diakses tanpa halangan.

Dalam aspek Kesukarelawan, **Program CEO@Faculty** memberi ruang kepada **alumni** terpilih sebagai **Kapten Industri**. Mereka berkongsi kepakaran, membimbing pelajar, serta menyumbang melalui aktiviti CSR. Keberkesanan dinilai berdasarkan laporan impak terhadap kebolehpasaran graduan. Melalui **tindakan penambahbaikan**, skop penyertaan alumni diperluas merentasi pelbagai sektor, di samping memperkenalkan sistem pengiktirafan bagi menghargai sumbangan mereka.

Secara keseluruhan, ICAN sentiasa mengkaji semula setiap maklum balas pelanggan sebelum melaksanakan tindakan penambahbaikan (**Act**). Pendekatan ini menzahirkan budaya integriti, komunikasi terbuka, pemerikasaan komuniti, serta pengurusan risiko yang progresif demi memastikan nilai tambah kepada alumni, komuniti, dan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_T01_TB04_TC03_20251_ICAN_Bukti Pelanggan 3.4.3.1 Pendaftaran Konvo dan Hotseat.pdf](#)
2. [B0075_T01_TB04_TC03_20252_ICAN_Bukti Pelanggan 3.4.3.2 Coaching Series dan Analisa Program.pdf](#)
3. [B0075_T01_TB04_TC03_20253_ICAN_Bukti Pelanggan 3.4.3.3 Manual Libatsama Komuniti.pdf](#)
4. [B0075_T01_TB04_TC03_20254_ICAN_Bukti Pelanggan 3.4.3.4 Kapten Industri.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan usaha integrasi di UiTM terserlah melalui gabungan kukuh antara alumni, komuniti dan pelajar yang dilaksanakan secara sistematik, inklusif dan berterusan. Strategi ini menekankan **inclusivity** sebagai asas keterlibatan bersama pelanggan ICAN serta mengangkat komunikasi dua hala sebagai pemangkin inovasi dan penambahbaikan berterusan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh jaringan hubungan strategik, malah turut memperlihatkan pembudayaan nilai **engagement**, **inclusivity** dan **komunikasi** dalam setiap program.

Menerusi aspek jaringan alumni, pelaksanaan program seperti Perhimpunan Alumni, Mesyuarat bersama Alumni dan siri podcast memberi **impak dalam membina rangkaian professional yang kukuh**. Hasilnya dapat dilihat menerusi **inovasi MyAlumni Virtual Card** serta pengwujudan pangkalan **data alumni yang boleh dihubungi**. Keupayaan **MyAlumni Virtual Card** untuk mengesan kerjaya, membuka peluang tajaan kewangan, menggalakkan **sumbangan kepakaran** serta menawarkan **peluang pekerjaan** menunjukkan keberkesanan **accountability** dan **integriti** dalam pengurusan data alumni. **Graduan** pula mendapat manfaat melalui peningkatan akses kerjaya, peluang latihan industri serta bimbingan secara terus daripada alumni yang bertindak sebagai mentor, rakan industri dan penyumbang strategik. Peranan ini terus **berkembang** setiap tahun yang mana **MyAlumni Virtual Card** telah **dinaiktaraf ke versi 2**, menzahirkan pembudayaan **empowerment** dan **delegation** yang memberi nilai tambah kepada universiti dan masyarakat.

Dari aspek jaringan komuniti pula, ICAN menzahirkan **empowerment** kepada warga dan menekankan kepentingan perkongsian kepakaran bersama komuniti setempat. Pelbagai sesi libat urus telah diadakan bagi menerangkan mengenai **inisiatif KaSEH UiTM** yang menggariskan kriteria pelaksanaan **Projek Komuniti UiTM** berimpak tinggi serta berasaskan kepada **Model Quintuple Helix**. Melalui program seperti MeTIC, **Coaching Series**, Bengkel Panel Penilai dan **Virtual Town Hall**, **pembudayaan** bagi pelaksanaan projek komuniti yang berimpak tinggi dan **lestari** diterapkan kepada warga di samping mendapatkan pandangan dan maklumbalas daripada mereka. Setahun selepas **Inisiatif KaSEH UiTM** diperkenalkan dan hasil daripada maklumbalas yang diterima, **Manual Libatsama Komuniti telah dihasilkan sebagai dokumen rujukan**, dan **inovasi integrasi Sistem PRIME dengan MyATP**. Integrasi ini turut memberi manfaat serta motivasi kepada staf dalam menghasilkan dan melaporkan projek komuniti yang lebih **sustainable**, di samping memberikan impak nyata kepada komuniti setempat. Kejayaan ini menarik perhatian pihak luar sebagai contoh; Badan Riset dan Inovasi Daerah (BRIDA) Nusa Tenggara Barat (NTB) Indonesia untuk menjalin kerjasama strategik dalam **pemeriksaan** komuniti. Lebih membanggakan, staf UiTM turut menerima **pengiktirafan** apabila dilantik sebagai instruktur serta pengurus bagi projek komuniti berimpak tinggi di **luar negara**, membuktikan nilai **delegation** dan **kompetensi** yang tinggi.

Dalam bidang sukarelawan, ICAN telah memperkukuh peranannya menerusi pelaksanaan program CSR seperti **Engage Cross Borders** serta penglibatan pelajar dalam program sukarelawan berimpak tinggi seperti **Do Good Challenge** yang membuktikan nilai **inclusivity** kerana mereka diberi ruang mengemukakan idea inovatif bagi menangani isu-isu sosial semasa. Selain itu, akses kepada data GE dan jaringan alumni memberikan industri peluang mengenal pasti bakat yang tepat, seterusnya membantu dalam pelaksanaan program peningkatan kemahiran akademik dan insaniah pelajar. Malah, **ibu bapa** pelajar turut menerima manfaat apabila **kebolehpasaran anak-anak mereka meningkat**.

Kesimpulannya, integrasi ini membentuk **ekosistem pembudayaan** yang berteraskan **komunikasi** jelas, **accountability** bersama dan **integriti** tinggi. ICAN bukan sekadar memperkukuh kolaborasi berterusan antara alumni, komuniti dan industri, malah mengangkat UiTM sebagai pusat integrasi ilmu dan pembangunan modal insan yang progresif, inklusif dan **berimpak global**.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_T01_TB05_20251_ICAN_Bukti Pelanggan 3.5.1 Pengiktirafan Luar.pdf](#)
2. [B0075_T01_TB05_20252_ICAN_Bukti Pelanggan 3.5.2 Myalumni Virtual Card.pdf](#)
3. [B0075_T01_TB05_20253_ICAN_Bukti Pelanggan 3.5.3 Program DGC.pdf](#)
4. [B0075_T01_TB05_20254_ICAN_Bukti Pelanggan 3.5.4 Program ICE.pdf](#)
5. [B0075_T01_TB05_20255_ICAN_Bukti Pelanggan 3.5.5 Integrasi Jaringan Alumni.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) UiTM melaksanakan pengurusan pengetahuan secara sistematik selaras dengan **Pelan Strategik UiTM 2025, Aspirasi Sustainable Development Goals (SDG), visi dan misi UiTM** serta dasar berkaitan. Pendekatan **Plan-Do-Check-Action (PDCA)** digunakan untuk memastikan aktiviti melibatkan alumni, komuniti dan kesukarelawan dirancang, dilaksanakan, dipantau dan diperbaiki secara berterusan. Penilaian pencapaian melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Petunjuk Prestasi (PI) diselaraskan melalui sistem pelaporan digital seperti **SMART, PRIME, NiLAMs, UiSMS, MyAlumni Virtual Card dan ICAN2U**, dengan laporan **dianalisis dan dibentangkan** secara bulanan dan sukuan.

Dalam fasa **Perancangan (Plan)**, ICAN merangka program strategik yang menyokong keterlibatan komuniti, industri dan alumni, khususnya dalam aktiviti bercirikan kesukarelawan. ICAN bertanggungjawab terhadap **dua (2) Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** iaitu KPI3 - **Percentage of graduate employability** dan KPI13 - **Number of international industry MoU/MoA** dan **tiga belas (13) Petunjuk Prestasi (PI)**. Semua sasaran ini diterjemahkan melalui **enam (6) Strategic Action Plan (SAP)** iaitu **Energizing Alumni Engagement, Pemantapan Projek Komuniti Berimpak, Alumni Visibility, Strategic University-Industry Partnership, Knowledge Transfer Awareness dan Enhanced Graduate Employability Programmes (EGEP)**. Pendekatan ini memastikan program dijalankan secara tersusun dan berimpak tinggi seterusnya dapat menyokong pengukuhan jaringan serta kebolehpasaran graduan.

Pada fasa **Pelaksanaan (Do)**, ICAN melaksanakan aktiviti komuniti dan alumni mengikut SOP dan diukur melalui sistem pelaporan digital. Pada 2023, geran CE-SIR bernilai RM255,000 diperkenalkan untuk menyokong projek inovasi sosial komuniti, manakala pada 2024, UiTM menerima dua geran komuniti – **Sejati MADANI** dan **Komuniti@UniMADANI** – melibatkan 15 projek bernilai RM625,760 yang memberi impak kepada pembangunan sosioekonomi, pendidikan digital dan latihan kesukarelawan. Jaringan alumni kukuh dengan pendaftaran **MyAlumni UiTM Virtual Card** melebihi 200,000. Jaringan ini juga telah menggalakkan industri menawarkan 20 ganjaran (*benefits*) kepada semua alumni yang mendaftar. Hubungan baik antara ICAN dan alumni telah dibuktikan apabila semakin ramai alumni memberi sumbangan kepada universiti dalam bentuk tajaan, zakat, wakaf, kepakaran, barangan, sedekah dan lain-lain berjumlah RM2,02,216 bagi tahun 2023 dan RM3,414,059.46 bagi tahun 2024. Program berimpak tinggi yang dijalankan bersama alumni telah berjaya menjana pendapatan seperti berikut: Majlis Jalinan Ukhwah Ramadhan 2024 = RM10,000, Malam Alumni Universiti Awam = RM100,000, Malam Gala 25 Tahun UiTM sebagai sebuah Universiti = RM788,000, Penghasilan Buku Wajah Alumni Citra Bitara UiTM – (Tajaan = RM106,000 & Jualan = RM27,400), Penghasilan Buku Cherita Alumni DLR: Sharing Legacies = RM2,000 dan Perhimpunan Hari Alumni 2024 = RM16,298.

Dalam fasa **Pemantauan (Check)**, ICAN memantau prestasi secara berkala menggunakan sistem pelaporan digital untuk menilai pencapaian program dan mengenal pasti kelemahan secara sistematik. Fasa **Tindakan Penambahbaikan (Act)** pula melibatkan penggunaan maklum balas daripada sesi pelaporan untuk penambahbaikan berterusan. Mesyuarat seperti MeTIC, MPE ICAN dan sesi libat urus pimpinan dijalankan secara berkala bagi memastikan proses penambahbaikan berjalan lancar dan menyeluruh. Pendekatan berterusan ini memperkukuh peranan ICAN dalam memperkasa jaringan industri, komuniti dan alumni di

peningkat nasional dan antarabangsa, sekaligus menyumbangkan kepada kejayaan strategik UTM.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

ICAN mengamalkan pendekatan sistematik berasaskan kitaran **PDCA** dalam pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan bagi menyokong matlamat strategik UiTM. Pendekatan ini diselaraskan dengan sistem pelaporan digital melalui sistem SMART, PRIME, NiLAMs, UiSMS, *MyAlumni Virtual Card* dan ICAN2U. Pendekatan ini memastikan kesinambungan ilmu, budaya serta amalan terbaik demi kecemerlangan berterusan dalam aktiviti berbentuk khidmat komuniti dan jaringan alumni yang bercirikan kesukarelawan.

Energizing Alumni Engagement berperanan sebagai pemangkin strategik dalam memperkukuh hubungan universiti dan alumni melalui pengukuran yang holistik. Keberkesanan dinilai berdasarkan bilangan alumni yang mendaftar dan aktif dalam **MyAlumni Virtual Card**, kekerapan penyertaan mereka dalam pelbagai program universiti termasuk dalam program berbentuk khidmat komuniti, kesukarelawan dan perkongsian kepakaran bagi mencapai KPI/PI UiTM. Di samping itu, impak jaringan alumni turut terserlah melalui bilangan kolaborasi dan sumbangan yang disalurkan sama ada dalam bentuk dana, kepakaran atau jaringan industri, yang sekali gus menegaskan peranan alumni sebagai **rakan strategik universiti** dalam menyokong agenda pembangunan akademik, penyelidikan dan kelestarian komuniti.

Pemantapan Projek Komuniti Berimpak dinilai melalui beberapa indikator utama iaitu bilangan projek komuniti yang dilaksanakan setiap tahun, jumlah peserta daripada komuniti sasaran yang mendapat manfaat, serta tahap kepuasan komuniti berdasarkan maklum balas atau soal selidik. Keberkesanan projek komuniti turut diukur melalui sumbangan terhadap pencapaian SDG, agenda nasional, liputan media atau pengiktirafan yang diterima berkaitan impak projek, serta jumlah dana atau geran komuniti yang berjaya diperolehi.

Alumni Visibility diukur melalui bilangan alumni yang dipaparkan dalam media rasmi UiTM, termasuk platform korporat universiti, serta jumlah cerita kejayaan (success stories) alumni yang disiarkan melalui saluran seperti media sosial ANC dan WhatsApp METIC. Keberkesanan keterlihatan alumni turut dinilai melalui pertumbuhan pengikut, capaian (reach) dan tahap engagement di media sosial alumni, di samping pengiktirafan yang diterima oleh alumni di peringkat nasional dan antarabangsa yang direkodkan sebagai bukti pencapaian serta reputasi global mereka.

Kesemua pendekatan ini dilaporkan melalui pencapaian **dua (2)** Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan **tiga belas (13)** Petunjuk Prestasi (PI) seperti dalam senarai di bawah:

Senarai KPI:

1. KPI3 - Percentage of graduate employability dan
2. KPI13 - Number of international industry MoU/MoA

Senarai PI:

1. PI018 - Percentage of undergraduate being employed
2. PI019 - Number of alumni successfully became entrepreneurs
3. PI072 - Number of new MoU and MoA with International Industries

4. PI073 - Number of new MoA with local partners
5. PI074 - Number of activities under MoA/ MoU with International Industries
6. PI075 - Number of University Social Responsibility programmes (USR)
7. PI076 - Number of Knowledge Transfer Programmes (KTP)
8. PI077 - Total amount received (from external) for USR and KTP programmes
9. PI078 - Total amount spent (from own funds) for USR and KTP programmes
10. PI079 - Number of communities receiving/ benefiting from the knowledge/ technology diffusion projects
11. PI080 - Number of alumni expert service programme
12. PI136 - ZERO poverty program
13. PI138 - Number of registration In MyAlumni UiTM Virtual Card

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_A01_AB02_20251_ICAN_Bukti Pengukuran 4.2.1 Bahan Rujukan Utama.pdf](#)
2. [B0075_A01_AB02_20252_ICAN_Bukti Pengukuran 4.2.2 Sistem Pelaporan Digital.pdf](#)
3. [B0075_A01_AB02_20253_ICAN_Bukti Pengukuran 4.2.3 Pelaporan Prestasi Q4.pdf](#)
4. [B0075_A01_AB02_20254_ICAN_Bukti Pengukuran 4.2.4 MPE ICAN.pdf](#)
5. [B0075_A01_AB02_20255_ICAN_Bukti Pengukuran 4.2.5 CE-SIR.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan atau *deployment* merujuk kepada proses sistematik dalam menyebar, mengaplikasi dan memanfaatkan hasil pengukuran, analisis serta pengurusan pengetahuan agar memberi impak menyeluruh kepada semua pihak berkepentingan. Proses ini dilaksanakan melalui pengumpulan data yang pelbagai, penggunaan kaedah analisis yang bersesuaian, penetapan kekerapan pemantauan serta pembentangan hasil analisis kepada pihak berkaitan.

Dari aspek data, tiga kategori utama digunakan iaitu kuantitatif, kualitatif dan sekunder. Data kuantitatif meliputi bilangan penyertaan alumni dalam program universiti, jumlah projek komuniti berimpak serta rekod pengiktirafan alumni. Data kualitatif diperoleh melalui temu bual alumni, laporan aktiviti komuniti, testimoni peserta dan analisis media yang menggambarkan tahap keterlihatan serta keberkesanan program. Manakala data sekunder melibatkan laporan tahunan universiti, dokumen rasmi serta rekod pencapaian KPI/PI yang berkait rapat dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Gabungan ketiga-tiga sumber ini memastikan penilaian skop *Alumni Engagement*, Projek Komuniti, dan *Alumni Visibility* dilaksanakan secara holistik merangkumi prestasi, keberkesanan dan keberlanjutan.

Energizing Alumni Engagement dan ***Alumni Visibility*** dinilai melalui pelbagai sumber data seperti ***MyAlumni Virtual Card***, soal selidik, rekod penyertaan program, rekod media rasmi, hebahan media sosial, success stories serta pengiktirafan alumni. Analisis dijalankan secara kuantitatif, kualitatif, benchmarking dan trend capaian digital. Hasil penilaian ini diluaskan melalui laporan rasmi, dashboard alumni, portal digital, media rasmi universiti serta sesi libat urus, sekali gus menyokong pencapaian ***PI019 dan PI080***.

Pemantapan Projek Komuniti Berimpak dinilai berdasarkan data yang merangkumi bilangan projek dilaksanakan, jumlah penerima manfaat, maklum balas komuniti, dana atau geran yang diperoleh, serta liputan media yang diterima. Analisis keberkesanan projek dilaksanakan melalui penilaian impak sosial dan pemetaan kepada **SDG 1, 3, 4, 8, 10, 11 dan 17**. Hasil penilaian ini disebarkan melalui laporan tahunan, Sistem Prime bagi pelaporan pencapaian **PI075, PI077, PI078, PI079 dan PI136**, serta melalui sesi libat urus bersama komuniti dan industri.

Pemantauan dijalankan secara **bulanan** (data awal), **suku tahunan** (pencapaian KPI/PI) dan **tahunan** (impak jangka panjang). Pendekatan ini memastikan penilaian sentiasa holistik, berterusan dan memberi nilai tambah kepada semua pihak berkepentingan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_A01_AB03_20251_ICAN_Bukti Pengukuran 4.3.1 Laporan CNC.pdf](#)
2. [B0075_A01_AB03_20252_ICAN_Bukti Pengukuran 4.3.2 Laporan ANC.pdf](#)
3. [B0075_A01_AB03_20253_ICAN_Bukti Pengukuran 4.3.3 MeTIC 2024.pdf](#)
4. [B0075_A01_AB03_20254_ICAN_Bukti Pengukuran 4.3.4 Manual Tadbir Urus Jabatan.pdf](#)
5. [B0075_A01_AB03_20255_ICAN_Bukti Pengukuran 4.3.5 Laporan Audit.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

ICAN melaksanakan proses pemantauan melalui pengukuran keberkesanan program komuniti, alumni dan sukarelawan yang dilaksanakan. Penilaian tidak hanya bergantung kepada bilangan aktiviti atau peserta, sebaliknya perlu menilai outcome jangka panjang yang memberi impak kepada pelajar, graduan, komuniti serta pihak berkepentingan. Analisis maklum balas mendedahkan kepentingan sistem data digital yang lebih komprehensif untuk menjejaki penglibatan alumni, peluang kolaborasi industri dan rekod program sukarelawan. Integrasi data bukan sahaja meningkatkan ketepatan laporan, malah mempercepat proses membuat keputusan serta menjadikan hasil yang dibentangkan lebih sahih dan boleh dipercayai.

Selain itu, proses pemantauan juga memperlihatkan bahawa komunikasi dua hala melalui platform digital, forum bersama komuniti dan alumni serta interaksi berterusan jauh lebih berkesan dalam mengekalkan hubungan strategik serta menyokong pembangunan ekosistem sukarelawan. Dapatan ini seterusnya digunakan untuk memperkemas indikator prestasi, menambah baik strategi pelaksanaan dan mengukuhkan budaya perkongsian pengetahuan rentas fakulti dan kampus. Kesannya, ICAN bukan sahaja berjaya meningkatkan keberkesanan dalaman, tetapi juga memperkukuh reputasi universiti di mata komuniti, alumni dan rakan strategik sukarelawan.

Proses pemantauan yang dilaksanakan telah mewujudkan budaya perkongsian pengetahuan dalam kalangan warga universiti. Hasil pembelajaran, cabaran dan amalan terbaik dikongsi rentas fakulti serta kampus, sekaligus mengukuhkan budaya kualiti yang berasaskan pengurusan pengetahuan. ICAN belajar bahawa melalui pembudayaan ilmu hasil daripada pemantauan, bukan sahaja kecekapan dalaman dapat ditingkatkan, malah imej dan reputasi universiti turut diperkukuh di kalangan rakan industri, komuniti dan alumni.

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_A01_AB04_AC01_20251_ICAN_Bukti Pengukuran 4.4.1.1 Pencapaian Q4 2023.pdf](#)
2. [B0075_A01_AB04_AC01_20252_ICAN_Bukti Pengukuran 4.4.1.2 Pencapaian Q4 2024.pdf](#)
3. [B0075_A01_AB04_AC01_20253_ICAN_Bukti Pengukuran 4.4.1.3 Laporan Maklumbalas Alumni 2024.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam proses pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan, pengenalpastian risiko **(ACT)** menjadi langkah penting untuk memastikan dapatan yang diperoleh adalah tepat, sahih dan boleh digunakan secara efektif dalam penambahbaikan prestasi organisasi. Risiko boleh wujud pada pelbagai peringkat, sama ada semasa pengumpulan data, proses analisis, sehinggalah pada peringkat peluasan hasil kepada pihak berkepentingan. Oleh itu, langkah mengenal pasti risiko ini dilaksanakan secara sistematik dengan memberi fokus kepada faktor dalaman dan luaran.

Antara risiko utama ialah ketidaklengkapan data yang dikumpul akibat kadar penyertaan rendah daripada komuniti, alumni atau sukarelawan. Jaringan komuniti berdepan beberapa cabaran utama, khususnya dari segi dana yang melibatkan tempoh pelaksanaan projek yang singkat, keperluan memenuhi kehendak pemberi dana, serta pematuhan kepada prosedur kewangan UiTM. Dari aspek Sistem Prime, kurangnya komitmen dan motivasi berterusan sebahagian ketua projek menyebabkan kelewatan atau kegagalan pendaftaran projek, sekali gus menjejaskan kelancaran dan pemantauan keseluruhan.

Manakala Jaringan Alumni berdepan dengan risiko melibatkan keperluan mengekalkan komunikasi yang konsisten dan relevan, serta mengurus kepelbagaian latar belakang alumni yang menuntut perancangan teliti agar program dan pendekatan yang dilaksanakan kekal inklusif dan berkesan.

Selain itu, risiko wujud apabila data tidak ditafsir dengan kaedah yang tepat atau kekurangan kepakaran dalam menjalankan analisis kualitatif dan kuantitatif. Hal ini boleh menyebabkan kesimpulan yang salah serta menjejaskan keberkesanan strategi penambahbaikan. Pada peringkat perkongsian maklumat pula, risiko ketirisan, salah tafsir atau kelewatan dalam penyampaian maklumat boleh mengurangkan keyakinan pihak berkepentingan terhadap sistem penilaian.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_A01_AB04_AC02_20251_ICAN_Bukti Pengukuran 4.4.2 Risiko Jabatan.pdf](#)
2. [B0075_A01_AB04_AC02_20252_ICAN_Bukti Pengukuran 4.4.2.2 Isu dan Cabaran.pdf](#)

4.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

ICAN melaksanakan proses analisis hasil tindakan dengan sistematik bagi memastikan setiap intervensi yang dijalankan memberi impak positif kepada pencapaian strategik. Analisis bermula dengan semakan terhadap data prestasi sebelum dan selepas tindakan penambahbaikan dilaksanakan. Melalui kaedah perbandingan, organisasi dapat menilai keberkesanan strategi, sama ada ia berjaya meningkatkan prestasi atau memerlukan pendekatan baharu.

Proses ini turut melibatkan analisis trend untuk mengukur kesan jangka panjang terhadap bidang tumpuan organisasi, seperti jaringan komuniti, hubungan alumni, serta penglibatan pelajar dalam program kesukarelawan. Data kuantitatif seperti kadar penyertaan, bilangan program, dan pencapaian KPI dianalisis secara longitudinal. Pada masa yang sama, data kualitatif daripada maklum balas peserta, laporan aktiviti, dan sesi libat urus diteliti bagi menilai aspek kualiti, kepuasan, serta keberkesanan intervensi.

Bagi memperkukuh penglibatan komuniti, alumni dan kesukarelawan, UiTM **melaksanakan geran dalaman CE-SIR** bernilai RM255,000 pada tahun 2023 sebagai inisiatif awal. Pada tahun 2024, usaha ini **diperkasakan melalui Pendanaan Projek Komuniti UiTM** yang berjaya memperoleh dua geran utama iaitu **Sejati MADANI (9 projek)** dan **Komuniti@UniMADANI (6 projek)** berjumlah RM625,760, sekali gus mencatatkan **pertumbuhan lebih 145% dari segi pendanaan**. Tindakan ini secara langsung **memacu pembangunan sosio-ekonomi komuniti, memperluas pendidikan digital, serta memperkukuh latihan kesukarelawan tempatan**, seterusnya meningkatkan impak sosial universiti kepada masyarakat.

Bagi memperkukuh jaringan alumni, UiTM **meningkatkan pendaftaran MyAlumni UiTM Virtual Card** sehingga melebihi 200,000 ahli. Pada masa sama, UiTM **menggalakkan penyumbangan alumni** yang berjaya mencatat pertumbuhan sebanyak 69%, iaitu daripada RM2,021,216 pada 2023 kepada RM3,414,059.46 pada 2024. Hubungan erat bersama alumni turut **diperkuat melalui pelaksanaan program berimpak tinggi** seperti Majlis Jalinan Ukhwah Ramadhan, Malam Alumni Universiti Awam, Malam Gala 25 Tahun UiTM, penghasilan buku *Wajah Alumni Citra Bitara* dan *Cherita Alumni DLR*, serta Perhimpunan Hari Alumni 2024.

Melalui tagline ICAN iaitu **Comprehensively Excellent**, pendekatan **Believe, Strategize and Execute (BSE)** telah dilaksanakan sebagai panduan dalam membentuk budaya kerja yang profesional, sistematik dan berfokuskan kecemerlangan. Pendekatan ini dapat memperkasakan warga ICAN untuk berfikir secara strategik, bertindak efektif dan mencapai kecemerlangan secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_A01_AB04_AC03_20251_ICAN_Bukti Pengukuran 4.4.3.1 VCSP 2024 Terbaik.pdf](#)
2. [B0075_A01_AB04_AC03_20252_ICAN_Bukti Pengukuran 4.4.3.2 AKPU 2024.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap integrasi merujuk kepada proses pembudayaan hasil tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan sehingga menjadi sebahagian daripada amalan kerja, nilai bersama, dan identiti organisasi. Integrasi ini berlaku apabila pengurusan pengetahuan, analisis, dan pengukuran prestasi tidak lagi dilihat sebagai aktiviti tambahan, tetapi sebatian dengan proses harian organisasi. Hasilnya, budaya kerja yang lebih sistematik, responsif dan berteraskan bukti dapat diwujudkan.

Dalam konteks **jaringan komuniti**, tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan melalui sesi libat urus, kajian keberkesanan dan perkongsian hasil analisis telah melahirkan budaya kolaborasi yang lebih kukuh. Sebagai contoh, komuniti setempat kini terbiasa memberi **maklum balas** melalui saluran digital dan **sesi perbincangan berfokus**. Pembudayaan ini membolehkan **pengumpulan data dan penambahbaikan** program komuniti dilakukan secara berterusan tanpa perlu menunggu inisiatif daripada pihak universiti semata-mata. Hal ini menunjukkan keberkesanan integrasi analisis ke dalam budaya kerjasama antara universiti dan masyarakat.

Bagi **jaringan alumni**, analisis terhadap tahap penglibatan telah menghasilkan strategi jangka panjang **melalui platform digital dan program alumni**. Kini, budaya penyertaan alumni bukan sahaja dilihat pada aspek penyertaan acara, tetapi juga pada perkongsian kepakaran, peluang pekerjaan, serta penajaan. Alumni semakin terbiasa untuk menyumbang secara **sukarela, manakala organisasi menjadikan perkongsian data alumni** sebagai rujukan utama dalam merangka program pembangunan kerjaya dan jaringan industri. Integrasi ini membentuk budaya “memberi kembali” (giving back culture) yang mampan.

Sementara itu, dalam **bidang kesukarelawan** pelajar, staf dan alumni tindakan penambahbaikan seperti penyediaan modul latihan dan pengiktirafan merit telah membudayakan semangat sukarelawan sebagai sebahagian daripada identiti pelajar. Jika sebelum ini penglibatan hanya dilihat sebagai aktiviti sampingan, kini ia diintegrasikan ke dalam sistem pembangunan pelajar melalui rekod merit, sijil pengiktirafan, serta penilaian kokurikulum. Pembudayaan ini bukan sahaja meningkatkan tahap komitmen pelajar, malah membina rasa tanggungjawab sosial yang lebih mendalam.

Dari perspektif organisasi, integrasi pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan dapat dilihat pada beberapa tahap pembudayaan. Pertama, wujud budaya berteraskan data (data-driven culture) di mana keputusan tidak lagi dibuat berdasarkan andaian semata-mata, sebaliknya berpaksikan analisis bukti. Kedua, lahir budaya penambahbaikan berterusan, apabila setiap dapatan dan risiko yang dikenal pasti diterjemahkan kepada strategi tindakan baharu. Ketiga, terbentuk budaya akauntabiliti bersama, apabila semua pihak berkepentingan – komuniti, alumni, industri dan pelajar – terbiasa terlibat secara aktif dalam proses pemantauan, penilaian dan cadangan.

Keseluruhannya, tahap integrasi ini menggambarkan keberkesanan tindakan yang diambil. Ia bukan sahaja memperkukuh bidang tumpuan organisasi, malah memastikan pengurusan pengetahuan benar-benar berfungsi sebagai nadi kepada pencapaian strategik universiti. Pembudayaan ini menjadikan proses pengukuran, analisis dan penambahbaikan bukan sekadar keperluan pentadbiran, tetapi sebagai nilai bersama yang diwarisi dan diamalkan secara berterusan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_A01_AB05_20251_ICAN_Bukti Pengukuran 4.5.1 Impak Hasil INC.pdf](#)
2. [B0075_A01_AB05_20252_ICAN_Bukti Pengukuran 4.5.2 Impak Hasil CNC.pdf](#)
3. [B0075_A01_AB05_20253_ICAN_Bukti Pengukuran 4.5.3 Impak Hasil ANC.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) UiTM Shah Alam berperanan sebagai pemangkin keterlibatan strategik universiti bersama industri, komuniti dan alumni. Diterajui oleh 26 staf pentadbiran yang komited serta disokong oleh 15 pentadbir akademik daripada pelbagai fakulti, ICAN memastikan program berimpak tinggi dapat dilaksanakan dengan berkesan. Peranan ini diperkukuh melalui penglibatan aktif Timbalan Dekan, Timbalan Rektor dan Koordinator ICAN yang memainkan peranan penting dalam perancangan, penyelarasan serta pemantauan, sekali gus menonjolkan kepakaran dan sinergi tenaga kerja yang dimiliki.

Dari sudut perancangan, ICAN merangka strategi tahunan berasaskan prinsip *engagement*, *inclusivity* dan *accountability*. Fokus diberikan kepada jaringan industri, pembangunan komuniti, penglibatan alumni dan kesukarelawanan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Kepakaran sumber manusia ICAN dalam bidang industri, komuniti dan alumni menjadi pemacu utama kepada strategi yang lebih realistik dan inklusif. Pengetahuan luas serta pengalaman praktikal staf telah melahirkan pelbagai inisiatif yang bukan sahaja memenuhi keperluan universiti, malah memberi manfaat seimbang kepada masyarakat.

Dalam aspek pelaksanaan, ICAN berjaya menyelaras pelbagai program peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Antara inisiatif berimpak tinggi ialah penganjuran *STEM Racing National Final* bersama STEM Racing Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia, serta *Be Digital Boot Camp* hasil kerjasama dengan Petronas PD&T yang menempatkan UiTM sebagai penganjur bersama. Program ini bukan sahaja memperkukuh jaringan strategik universiti, malah menyumbang kepada penjana pendapatan kampus melalui penyewaan fasiliti. Selain itu, kolaborasi bersama industri dan NGO telah membolehkan ICAN menjana lebih RM2 juta dana pada tahun 2025. Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan model kerja berasaskan *delegation* dan *empowerment*, di samping menonjolkan keupayaan staf ICAN menguruskan pelbagai kerjasama strategik dengan profesionalisme tinggi.

Dari aspek pemantauan, ICAN memperkenalkan sistem inovatif **ICAN2U** yang berfungsi sebagai rujukan pantas untuk ICAN dan Pusat Tanggungjawab (PTj). Sistem ini mengintegrasikan data pelbagai platform, mempercepatkan proses membuat keputusan serta memperkukuh tadbir urus yang tangkas dan telus selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Kejayaan pembangunan sistem ini membuktikan keupayaan staf ICAN menggabungkan kemahiran teknologi, pengurusan maklumat dan pengalaman industri untuk menghasilkan penyelesaian inovatif. Hasilnya, ICAN menerima lima Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2024) serta beberapa pengiktirafan luar yang mengiktiraf integriti dan kecekapan tadbir urus.

Bagi penambahbaikan, ICAN menumpukan kepada pengurusan risiko dengan memanfaatkan kepakaran pelbagai bidang. Pendekatan ini meningkatkan tahap kompetensi, mengukuhkan komunikasi berkesan serta memupuk budaya akauntabiliti dalam organisasi. Keupayaan ini turut membolehkan ICAN menyokong PTj dalam mencapai *Performance Indicator* di bawah MoU Antarabangsa melalui kerjasama strategik dengan syarikat seperti Apple Malaysia, Maybank, Celcom Digi dan Maxis.

Secara keseluruhannya, ICAN membudayakan nilai *engagement*, *inclusivity*, *accountability*, *empowerment*, *integrity* dan *risk management*. Dengan kekuatan sumber manusia yang berpengetahuan luas, berpengalaman dan berkemahiran tinggi, ICAN bukan sahaja meningkatkan reputasi UiTM sebagai peneraju pembangunan modal insan dan jaringan sosial, malah memberi impak positif yang berpanjangan kepada universiti serta masyarakat.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan pengurusan sumber manusia dalam bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan di ICAN UiTM dilaksanakan secara sistematik, inklusif dan berfokuskan impak. Kaedah ini memastikan setiap staf melaksanakan tanggungjawab dengan penuh akauntabiliti, integriti serta profesionalisme, selaras dengan aspirasi universiti sebagai pusat kecemerlangan akademik dan pembangunan komuniti.

Kekuatan utama ICAN terletak pada kepakaran sumber manusia yang mempunyai latar belakang industri, komuniti dan alumni yang pelbagai. Kepelbagaian ini menjadikan kompetensi staf lebih holistik dan bersesuaian dengan bidang tugas yang dipertanggungjawabkan. Melalui kepakaran ini, ICAN telah berjaya membangunkan kolaborasi berterusan dengan Maybank. Usaha ini melibatkan pelbagai inisiatif, antaranya *UiTM Maybank Student Ambassador Programme* yang pada tahun 2024 berjaya melibatkan 31 pelajar, diikuti peningkatan kepada 42 pelajar pada tahun 2025. Selain itu, penganjuran *MaybankDay@UiTM 2024* melibatkan ribuan pelajar dan staf akademik melalui aktiviti seperti *Financial Literacy & Scam Awareness Talk*, *Career Preparatory Workshop*, *Classroom Takeover*, *Campus Walk-in Interview*, dan sesi khas bersama Datuk (Dr) Nora Manaf. Pencapaian ini membuktikan bahawa kepakaran staf ICAN dalam menyelaras kerjasama dengan industri mampu mewujudkan program berskala besar yang memberi manfaat langsung kepada pelajar, staf dan alumni.

Kerjasama bersama Maybank turut memberi peluang menjejak lebih 6,200 alumni UiTM yang kini berkhidmat dalam bank tersebut, sekali gus memperkukuh jaringan alumni universiti. Pada masa sama, ia meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui peluang latihan industri, bimbingan kerjaya serta aktiviti pembangunan kepimpinan. Penganjuran *Alumni Session* di Menara Maybank pula menjadi platform pengukuhan hubungan antara pelajar, staf dan alumni, memperlihatkan bagaimana jaringan ini menyokong aspirasi UiTM dalam melahirkan graduan holistik.

Dari sudut pembangunan komuniti, staf ICAN bukan sahaja aktif menjalin kerjasama dengan agensi luar seperti PERHILITAN bagi membawa manfaat langsung kepada masyarakat setempat, malah kepakaran mereka turut mendapat pengiktirafan meluas melalui liputan di media massa dan platform digital. Capaian ini menonjolkan peranan ICAN secara lebih komprehensif, merangkumi jaringan industri, pengukuhan hubungan alumni serta penglibatan komuniti yang turut merangkumi aktiviti kesukarelawanan. Pendekatan ini membuktikan bahawa kepakaran sumber manusia ICAN tidak hanya terhad kepada pentadbiran dalaman, sebaliknya berupaya menonjolkan UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa melalui sumbangan berimpak tinggi kepada industri, alumni dan komuniti.

Bagi memastikan motivasi staf kekal tinggi, pengurusan ICAN menekankan prinsip *inclusivity*. Semua staf diberikan peluang seimbang untuk terlibat dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian program. Bentuk penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UiTM, majlis penghargaan Kelab Kebajikan ICAN serta sambutan Hari Keluarga ICAN yang melibatkan ahli keluarga staf. Inisiatif ini memperkukuh semangat kerja berpasukan, meningkatkan rasa kepunyaan dan mengiktiraf sumbangan staf dalam menjayakan program.

Secara keseluruhannya, pendekatan pengurusan sumber manusia ICAN menekankan keberkesanan, pengiktirafan dan kesinambungan kerjasama strategik. Kejayaan mengekalkan hubungan rapat dengan Maybank membuktikan bahawa kepakaran staf ICAN bukan sahaja berjaya menghasilkan impak segera, malah mewujudkan jaringan mampan yang menyokong pembangunan pelajar, alumni dan komuniti. Gabungan elemen ini menjadi asas kepada kejayaan ICAN dalam melaksanakan bidang tumpuan, seterusnya memperkukuh kedudukan UiTM sebagai institusi peneraju pembangunan modal insan dan jaringan sosial yang berimpak tinggi.

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_S01_SB02_20251_ICAN_Bukti Manusia 5.2.1.pdf](#)
2. [B0075_S01_SB02_20252_ICAN_Bukti Manusia 5.2.2.pdf](#)
3. [B0075_S01_SB02_20253_ICAN_Bukti Manusia 5.2.3.pdf](#)
4. [B0075_S01_SB02_20254_ICAN_Bukti Manusia 5.2.4.pdf](#)
5. [B0075_S01_SB02_20255_ICAN_Bukti Manusia 5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi menjayakan agenda strategik dalam bidang jaringan alumni, pembangunan komuniti dan kesukarelawan, ICAN UiTM Shah Alam telah mengoptimalkan kekuatan sumber manusia melalui pendekatan pengembangan peranan dan kepakaran secara meluas. Seramai 15 orang staf akademik daripada pelbagai latar belakang telah ditempatkan di ICAN untuk menyokong pelaksanaan program dan inisiatif jabatan. Penempatan ini bukan sahaja melengkapinya pasukan sedia ada seramai 26 orang staf, malah membolehkan pelaksanaan aktiviti berlangsung dengan lebih menyeluruh, efektif dan berimpak tinggi selaras dengan perancangan strategik ICAN.

Kepakaran sumber manusia di ICAN turut diiktiraf kerana ramai dalam kalangan staf memiliki sijil profesional yang relevan dengan bidang tugas masing-masing. Penguasaan kompetensi ini menambah nilai kepada organisasi, khususnya dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan program yang berhubung langsung dengan industri, alumni dan komuniti. Selaras dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM), ICAN turut memperluas skop kerja staf agar tidak hanya terikat pada tanggungjawab asal, sebaliknya merangkumi tugas rentas fungsi. Melalui pendekatan ini, staf terdedah kepada pengalaman baharu seperti pengurusan program, penyelarasan jaringan industri, pembangunan komuniti dan inisiatif alumni. Peralihan ini meningkatkan fleksibiliti operasi serta membuka ruang bagi staf memperkaya pengalaman kerjaya dan mengembangkan kepakaran secara berterusan.

Bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan, ICAN turut melaksanakan amalan *delegation* secara terancang. Pendekatan ini penting untuk menangani risiko kekosongan jawatan akibat persaraan, pemindahan atau kehilangan staf. Dengan sistem pengagihan kerja yang teratur, tugas dapat dialihkan kepada pegawai lain tanpa menjejaskan kualiti hasil. Pada masa yang sama, ia memperkukuh budaya kerja berpasukan dan menanam keyakinan dalam kalangan staf untuk mengambil alih tanggungjawab dengan lebih berkesan.

Selain itu, peranan penyelarasan di ICAN juga diperluas melalui kerjasama dengan Timbalan Dekan dan Timbalan Rektor di fakulti serta kampus cawangan. Mereka berfungsi sebagai penghubung utama antara ICAN dan Pusat Tanggungjawab (PTj). Koordinator ICAN, yang terdiri daripada pensyarah kanan, diberi mandat untuk memperkukuh jaringan alumni, melaksanakan program pembangunan komuniti dan menggerakkan aktiviti kesukarelawan. Bagi menyokong keberkesanan pelaksanaan, siri *coaching* khusus turut diadakan dengan fokus kepada pengurusan projek libatsama komuniti. Struktur ini menjadikan penyelarasan lebih sistematik serta berimpak tinggi, selain memastikan hala tuju selaras dengan kerangka strategik universiti.

Penglibatan staf dalam bidang kesukarelawan juga menjadi platform penting untuk mengembangkan kepakaran dan pengalaman sedia ada. Melalui aktiviti seperti khidmat masyarakat, pemindahan ilmu dan pembangunan komuniti, staf dapat mengaplikasikan kemahiran profesional di lapangan sama ada sebagai fasilitator, pengurus acara, mentor pelajar mahupun penasihat teknikal. Aktiviti ini bukan sahaja memperkukuh jaringan kerjasama UiTM dengan pihak luar, malah meningkatkan kompetensi staf dari aspek kepimpinan, komunikasi dan pengurusan projek. Hasil daripada pengalaman tersebut kembali dimanfaatkan dalam perancangan strategik ICAN, sekali gus memastikan program yang dijalankan terus lestari, relevan dan berkesan.

Secara keseluruhannya, pendekatan pengurusan sumber manusia yang fleksibel, berasaskan kepakaran serta diperkuat dengan sistem penilaian dan pengiktirafan yang inklusif telah meningkatkan keupayaan ICAN dalam menjayakan bidang tumpuan yang dipilih. Usaha ini akhirnya memperkukuh kredibiliti UiTM sebagai institusi penggerak masyarakat dan rakan strategik utama industri.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_S01_SB03_20251_ICAN_Bukti Manusia 5.3.1.pdf](#)
2. [B0075_S01_SB03_20252_ICAN_Bukti Manusia 5.3.2.pdf](#)
3. [B0075_S01_SB03_20253_ICAN_Bukti Manusia 5.3.3.pdf](#)
4. [B0075_S01_SB03_20254_ICAN_Bukti Manusia 5.3.4.pdf](#)
5. [B0075_S01_SB03_20255_ICAN_Bukti Manusia 5.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Secara keseluruhan, tahap kepuasan staf berada pada tahap positif, dengan aduan lebih berbentuk cadangan penambahbaikan. Proses ini membuktikan integriti kepimpinan dalam mendengar suara staf sekaligus mengekalkan kesejahteraan sumber manusia.

Pemantauan tahap kepuasan hati sumber manusia di ICAN UiTM Shah Alam dilaksanakan secara konsisten melalui pendekatan sistematik yang berasaskan *engagement*, *communication* dan *accountability*. Mekanisme pemantauan meliputi Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, sesi Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan laporan pentadbiran. Pendekatan ini membuka ruang kepada semua staf untuk berkongsi pandangan, menyuarakan cadangan, serta mengemukakan aduan secara telus dan inklusif.

Secara umum, dapatan menunjukkan tahap kepuasan staf adalah baik. Mereka menghargai peluang *empowerment* melalui pelbagai bentuk latihan dan pembangunan profesional. Antara program yang mendapat sambutan ialah Knowledge Day@ICAN, Bengkel Pengurusan Kewangan, serta kursus MBTI dan SWOT yang membantu meningkatkan kompetensi, keyakinan dan motivasi kerja. Inisiatif ini jelas memperkukuh budaya pembelajaran berterusan serta membina nilai tambah kepada staf.

Selain itu, staf turut menzahirkan rasa bangga kerana berpeluang terlibat dalam program strategik bersama alumni, industri dan komuniti. Elemen *inclusivity* ini menanamkan rasa kebersamaan terhadap hala tuju ICAN, sekali gus mewujudkan suasana kerja yang lebih kolaboratif.

Walau bagaimanapun, terdapat aduan berbentuk cadangan penambahbaikan. Isu yang dikenal pasti ialah kekangan masa apabila beberapa program berlangsung serentak, keperluan penjelasan tugas yang lebih jelas, serta sokongan tambahan daripada jawatan sementara. Pengurusan mengambil langkah proaktif dengan mengagihkan tugas mengikut kepakaran staf, memperluaskan penggunaan ICAN2U untuk mengurangkan kerja manual, dan melibatkan pelatih industri bagi membantu pelaksanaan projek. Pendekatan ini memperlihatkan kesungguhan pengurusan mendengar suara staf serta bertindak secara responsif.

Pencapaian organisasi turut meningkatkan kepuasan hati staf. Antaranya, ICAN menerima pengiktirafan berprestij melalui Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU2024) yang mengiktiraf kecemerlangan kolektif warga ICAN. Selain itu, pencapaian dalam pengurusan data alumni melalui MyAlumni Virtual Card yang mencatat peningkatan pendaftaran membuktikan keberkesanan strategi komunikasi digital.

Secara keseluruhannya, pemantauan berterusan ini menunjukkan tahap kepuasan staf berada pada tahap positif, dengan aduan lebih bersifat konstruktif untuk memperbaiki sistem kerja. Kejayaan ini membuktikan integriti kepimpinan ICAN dalam mengekalkan kesejahteraan sumber manusia, sekali gus memperkukuh reputasi sebagai pusat kecemerlangan jaringan industri, komuniti dan alumni.

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_S01_SB04_SC01_20251_ICAN_Bukti Manusia 5.4.1.1.pdf](#)
2. [B0075_S01_SB04_SC01_20252_ICAN_Bukti Manusia 5.4.1.2.pdf](#)
3. [B0075_S01_SB04_SC01_20253_ICAN_Bukti Manusia 5.4.1.3.pdf](#)
4. [B0075_S01_SB04_SC01_20254_ICAN_Bukti Manusia 5.4.1.4.pdf](#)
5. [B0075_S01_SB04_SC01_20255_ICAN_Bukti Manusia 5.4.1.5.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko sumber manusia di ICAN UiTM Shah Alam dilaksanakan secara sistematik dengan memberi penekanan kepada aspek pengenalanpastian, penilaian, mitigasi dan pemantauan berterusan. Sumber manusia dilihat sebagai aset strategik yang memacu kecemerlangan organisasi. Oleh itu, sebarang risiko yang wujud perlu diurus dengan berkesan agar kesinambungan operasi, kelancaran program dan pencapaian sasaran strategik universiti dapat dipastikan.

Antara risiko utama yang dikenal pasti ialah kekurangan staf tetap, pergantungan kepada staf akademik tambahan, serta penggantian staf akibat persaraan dan cuti belajar. Sekiranya tidak ditangani dengan baik, keadaan ini boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti. Bagi mengurangkan kesan risiko, ICAN melaksanakan pelan penggantian lebih awal, termasuk menggantikan pentadbir akademik sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tamat lantikan. Usaha ini membolehkan kesinambungan peranan utama sentiasa terjamin.

Dari segi pengurusan kerja, ICAN mengoptimumkan agihan tugas melalui *Sasaran Kerja Tahunan (SKT)* yang dilaksanakan dua kali setahun. Mekanisme ini memastikan setiap tugas diagihkan secara telus mengikut kepakaran dan kekuatan staf, sekali gus meningkatkan motivasi, keberkesanan dan pencapaian hasil kerja. Selain itu, ICAN turut melibatkan pelajar latihan industri serta peserta *Job Creation Programme* bagi memenuhi keperluan tenaga kerja tambahan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh pelaksanaan aktiviti ICAN, malah memberi peluang pembangunan kemahiran, pengalaman praktikal dan pembelajaran langsung kepada pelajar.

Risiko kehilangan kepakaran staf berpengalaman pula ditangani melalui pelaksanaan pemangkuan jawatan dan penyediaan manual kerja dalaman sebagai rujukan segera. Strategi ini memastikan kesinambungan pengetahuan organisasi dapat dikekalkan. Dalam aspek keselamatan maklumat, ICAN mematuhi sepenuhnya garis panduan rasmi keselamatan data universiti bagi mengurangkan potensi risiko.

Secara keseluruhan, pendekatan ini mencerminkan pengurusan ICAN yang proaktif, berdaya saing serta bersedia menghadapi cabaran semasa. Malah, melalui laporan pengurusan risiko ICAN 2024 turut menegaskan keperluan pemantauan terhadap risiko penyedia latihan yang tidak menepati spesifikasi, yang kini diberi perhatian serius demi memastikan kualiti program terjamin.

Akhirnya, pengurusan risiko sumber manusia ICAN adalah selaras dengan prinsip ADLI, berorientasikan kepakaran, responsif terhadap cabaran, serta menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berdaya tahan, progresif dan berimpak tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_S01_SB04_SC02_20251_ICAN_Bukti Manusia 5.4.2.1.pdf](#)
2. [B0075_S01_SB04_SC02_20252_ICAN_Bukti Manusia 5.4.2.2.pdf](#)
3. [B0075_S01_SB04_SC02_20253_ICAN_Bukti Manusia 5.4.2.3.pdf](#)
4. [B0075_S01_SB04_SC02_20254_ICAN_Bukti Manusia 5.4.2.4.pdf](#)
5. [B0075_S01_SB04_SC02_20255_ICAN_Bukti Manusia 5.4.2.5.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

ICAN UiTM komited memastikan persekitaran kerja dan sistem pentadbiran kekal kondusif melalui proses semakan berkala serta penambahbaikan berterusan yang berpaksikan komunikasi terbuka, keterangkuman dan budaya kolaboratif. Pendekatan ini penting bagi menyokong kesejahteraan staf, keberkesanan operasi serta pencapaian sasaran strategik universiti.

Antara inisiatif utama ialah pemurnian lima garis panduan jaringan ICAN yang terdiri daripada *Garis Panduan Jaringan Industri, Garis Panduan Jaringan Alumni, Garis Panduan Jaringan Komuniti, Garis Panduan Kesukarelawanan* serta *Garis Panduan Endowment & Dana Komuniti*. Garis panduan ini menjadi kerangka rujukan standard dalam melaksanakan aktiviti jaringan, sekaligus menjamin keseragaman pelaksanaan di seluruh peringkat

Selain itu, ICAN mengutamakan libat urus kepimpinan bersama staf sebagai saluran maklum balas dan penambahbaikan dalaman. Sesi ini membolehkan isu seperti keseimbangan beban kerja, keperluan latihan dan cadangan inovatif diketengahkan secara langsung, lalu diterjemahkan kepada tindakan praktikal seperti pengagihan tugas baharu dan program pembangunan kompetensi.

Keberhasilan tindakan penambahbaikan turut terserlah melalui penganjuran *Industry Career Expo*, yang menghimpunkan pelbagai syarikat strategik, membuka peluang kerjaya kepada graduan serta meningkatkan peranan staf ICAN sebagai penghubung universiti dengan industri.

Dari aspek tanggungjawab sosial, ICAN berjaya menguruskan dana komuniti bernilai RM8.59 juta yang disalurkan untuk program masyarakat berimpak tinggi. Kejayaan ini membuktikan keberkesanan sistem kerja yang sentiasa ditambah baik melalui semakan dan kawalan teliti.

Akhir sekali, keberkesanan tindakan penambahbaikan dapat dilihat melalui peningkatan keterlibatan alumni, komuniti dan industri dalam program strategik seperti Hari Alumni UiTM dan Malam Gala 25 Tahun UiTM. Perkembangan ini membuktikan reputasi ICAN semakin kukuh hasil pengurusan sumber manusia yang sistematik dan responsif.

Secara keseluruhannya, tindakan semakan dan penambahbaikan ini menunjukkan ICAN berupaya mengurus sumber manusia dengan pendekatan yang inklusif, adaptif dan berkesan, sekaligus memperkukuh aspirasi ICAN *comprehensively excellent*.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_S01_SB04_SC03_20251_ICAN_Bukti Manusia 5.4.3.1.pdf](#)
2. [B0075_S01_SB04_SC03_20252_ICAN_Bukti Manusia 5.4.3.2.pdf](#)
3. [B0075_S01_SB04_SC03_20253_ICAN_Bukti Manusia 5.4.3.3.pdf](#)
4. [B0075_S01_SB04_SC03_20254_ICAN_Bukti Manusia 5.4.3.4.pdf](#)
5. [B0075_S01_SB04_SC03_20255_ICAN_Bukti Manusia 5.4.3.5.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi dalam bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan di ICAN UiTM memperlihatkan tahap pembudayaan yang menyeluruh hasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan berterusan. Proses ini melibatkan pengukuhan *engagement, inclusivity, communication, empowerment, accountability* dan *risk management*, selaras dengan prinsip ADLI dan aspirasi *ICAN Comprehensively Excellent*.

Dari sudut engagement, ICAN berjaya memupuk budaya penyertaan aktif melalui penganjuran program berimpak besar yang melibatkan alumni, komuniti dan rakan industri. Antara contoh utama ialah *Perhimpunan Hari Alumni UiTM 2024* serta *Malam Gala 25 Tahun UiTM sebagai Sebuah Universiti*, yang telah menarik penyertaan meluas serta mengeratkan hubungan strategik antara alumni dan universiti.

Dari aspek inclusivity, ICAN memberi fokus kepada penglibatan pelbagai lapisan warga universiti, alumni dan rakan industri dalam aktiviti kesukarelawan. Program *Engage Cross Borders: Rice Against Hunger* bersama Pfizer dan *Do Good Challenge* telah menjadi wadah penting untuk melatih staf, pelajar dan alumni agar lebih prihatin terhadap isu sosial, khususnya membela kebajikan komuniti B40. Penyertaan aktif ini bukan sahaja meningkatkan kepedulian sosial, tetapi turut membentuk budaya kerja berasaskan nilai tanggungjawab bersama.

Dalam aspek communication, ICAN mengoptimumkan saluran komunikasi melalui sistem digital dan platform penerbitan rasmi. Antara inisiatif penting ialah pengeluaran *e-Newsletter Alumni* dan *profiling alumni usahawan*, yang berfungsi sebagai medium komunikasi dua hala, perekodan data alumni, serta perkongsian pencapaian di peringkat nasional dan antarabangsa. Peningkatan tahap respons alumni membuktikan keberkesanan integrasi komunikasi digital dalam memperkukuh jaringan.

Budaya empowerment dizahirkan melalui peluang yang diberikan kepada staf ICAN untuk mengetuai projek strategik, menjadiurus setia utama dalam program besar, serta mewakili pusat dalam pelbagai jawatankuasa universiti. Pengiktirafan dari luar, termasuk melalui anugerah dan kerjasama strategik dengan syarikat antarabangsa, mengukuhkan keyakinan staf serta memberi nilai tambah kepada pembangunan kepimpinan.

Dari sudut *accountability* dan *integrity*, ICAN mengekalkan budaya pelaporan telus dan sistematik. Pencapaian tahunan serta projek yang dijalankan direkod dan dibentangkan secara rasmi, membolehkan keberkesanan tindakan dipantau dan disemak semula secara berterusan. Proses ini memastikan ketelusan, integriti dan keberkesanan pengurusan sumber manusia serta program strategik.

Keseluruhannya, tahap integrasi yang dibudayakan di ICAN membuktikan keberkesanan penambahbaikan yang dilaksanakan. Kejayaan ini bukan sahaja memperkukuh daya saing universiti dalam bidang jaringan industri, alumni dan komuniti, malah membentuk ekosistem kerja yang inklusif, responsif dan berimpak tinggi, sejajar dengan visi ICAN sebagai pusat kecemerlangan jaringan universiti yang *comprehensively excellent*.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_S01_SB05_20251_ICAN_Bukti Manusia 5.5.1.pdf](#)
2. [B0075_S01_SB05_20252_ICAN_Bukti Manusia 5.5.2.pdf](#)
3. [B0075_S01_SB05_20253_ICAN_Bukti Manusia 5.5.3.pdf](#)
4. [B0075_S01_SB05_20254_ICAN_Bukti Manusia 5.5.4.pdf](#)
5. [B0075_S01_SB05_20255_ICAN_Bukti Manusia 5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) telah melaksanakan pendekatan bersepadu berteraskan **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** sepanjang 2022–2024 bagi memperkukuh operasi pengurusan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan. Pendekatan ini selaras dengan **Pelan Strategik UiTM 2025**, bertujuan memastikan pelaksanaan program lebih berkesan serta menyumbang kepada kedudukan UiTM sebagai Universiti Komuniti Unggul.

Dalam fasa **perancangan (Plan)**, ICAN melaksanakan analisis terperinci yang merangkumi maklum balas pelanggan, laporan PRIME, post-mortem program dan semakan pencapaian terdahulu. Hasil analisis digunakan untuk merangka strategi tahunan yang responsif dan inklusif dengan penetapan KPI yang jelas. Penekanan turut diberikan kepada penglibatan awal alumni serta penjenamaan platform digital seperti **MyAlumni UiTM Virtual Card**.

Fasa **pelaksanaan (Do)** menekankan tiga bidang utama:

1. **Pengurusan Jaringan Alumni** – memperkukuh hubungan dan penglibatan alumni sebagai rakan strategik universiti.
2. **Pengurusan Jaringan Komuniti** – memperluas kerjasama dengan komuniti luar dalam menyokong pembangunan sosial, ekonomi, dan pendidikan.
3. **Kesukarelawan** – menggalakkan penglibatan aktif pelajar, staf, dan alumni dalam aktiviti kemasyarakatan berasaskan nilai kepimpinan, pemindahan ilmu dan tanggungjawab sosial yang tinggi dalam menyelesaikan permasalahan diperingkat komuniti.

Pelaksanaan ini dilaksanakan secara kolaboratif dengan jabatan dalaman seperti Jabatan Digital, Bahagian Undang-Undang dan Pejabat Transformasi Universiti. Inisiatif utama termasuk sesi libat urus, siri jelajah, *coaching series*, program sukarelawan dan pemberian geran sokongan. Konsep **empowerment** dan **delegation** turut dipraktikkan dengan memberi ruang kepada PTJ melaksanakan projek komuniti dan alumni secara sendiri dengan pemantauan berpusat oleh ICAN.

Dalam fasa **semakan (Check)**, ICAN menggunakan mekanisme pemantauan berstruktur seperti semakan Pelan Strategik ICAN, laporan KPI dan PI, SAP, Sasaran Kerja Tahunan staf, mesyuarat METIC serta *coaching series* yang dijalankan. Mekanisme ini meningkatkan tahap akauntabiliti, integriti dan komunikasi strategik dalam setiap program.

Bagi fasa **tindakan susulan (Act)**, pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan termasuk pemindahan proses manual kepada digital, penghasilan **Manual Libat Urus**, peningkatan fungsi **MyAlumni UiTM Virtual Card**, pelantikan panel penilai projek komuniti serta pengukuhan pengurusan risiko melalui Daftar Risiko dan langkah mitigasi.

Pelaksanaan model PDCA telah meningkatkan keberkesanan operasi ICAN dalam memperkukuh jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan. Tahap **keterangkuman** dan penglibatan pihak berkepentingan meningkat ketara hasil amalan budaya komunikasi terbuka, integriti, pemerikasaan dan pengurusan berasaskan risiko. Kejayaan ini menyumbang secara langsung kepada reputasi UiTM serta menyokong aspirasi **Pelan Strategik UiTM 2025** ke arah pertumbuhan yang mampan.

Secara keseluruhan, keberkesanan operasi ini telah meningkatkan ketampakan dan prestasi ICAN sebagai peneraju dalam pembangunan jaringan strategik dan sosial universiti. Tahap engagement dan inklusiviti dalam kalangan alumni dan komuniti meningkat secara signifikan, sejajar dengan budaya komunikasi terbuka dan pelaksanaan berasaskan integriti. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada reputasi UiTM sebagai universiti komuniti unggul, malah memperkukuh nilai-nilai teras seperti **Accountability, Empowerment dan Risk Management** yang menjadi asas kepada pertumbuhan mampan ICAN ke arah masa depan.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dengan tagline “ICAN Comprehensively Excellent”, pendekatan Believe, Strategize and Execute (BSE), pengurusan ICAN memberi tumpuan kepada operasi utama yang merangkumi jaringan dan hubungan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, perkongsian sumber sedia ada, serta pemindahan ilmu. Proses ini memastikan kemajuan prestasi ICAN dan UiTM, malah turut memperkasa semangat kesukarelawanan yang berteraskan Nilai UiTM: Excellence, Sinergi, dan Integriti (ESI).

Pengurusan Jaringan Alumni

Jaringan Alumni merupakan satu proses untuk mengenal pasti, membina, dan mengekalkan hubungan berterusan dengan alumni UiTM. Antara pengurusan operasi yang dijalankan ialah dengan:

- **Jaringan alumni** melalui jaringan hubungan bersama dengan industri, persatuan atau dengan pihak individu.
- **Signature program** seperti Perhimpunan Alumni dan Alumni Fun Run untuk ketampakan universiti dan merupakan platform untuk menyantuni alumni-alumni UiTM. Melalui program ini dapat meningkatkan kualiti data alumni.
- **Sistem MyAlumni UiTM Virtual Card**, daripada versi 1.0 kepada 2.0 untuk memastikan kualiti data alumni dan mewujudkan profiling alumni pada masa akan datang.
- **Kolaborasi dan jaringan pintar** dengan rakan industri, industri yang diketuai alumni dan juga syarikat milik alumni UiTM bagi Tawaran Eksklusif Alumni UiTM melalui pendaftaran MyAlumni UiTM Virtual Card untuk menarik alumni mendaftarkan diri dan juga satu inisiatif mempromosikan syarikat-syarikat alumni UiTM
- Sumbangan alumni dari pelbagai bentuk.
- Memproses **pemberian geran RM7,000** kepada projek terpilih yang melibatkan alumni dan komuniti, bagi menjayakan aktiviti impak sosial dan sukarelawan.
- Memperkenalkan **Alumni Hot Seats** untuk mengenalpasti graduan yang mempunyai ibu atau/dan bapa graduan yang merupakan alumni UiTM sepanjang tempoh Istiadat Konvokesyen. Impaknya bilangan alumni yang dapat berdaftar dengan maklumat terkini.

Pengurusan Jaringan Komuniti

Jaringan Komuniti pula memfokuskan kepada hubungan dua (2) hala antara universiti dan masyarakat melalui:

- Mengkoordinasi pelbagai program berimpak tinggi (geran & tanpa geran) yang dijalankan di antara universiti-akademia dengan pelbagai kumpulan sasar komuniti melalui pendekatan quintuple helix.
- Proses Verifikasi projek komuniti dalam sistem PRIME Star Rating, yang bertindak sebagai platform rasmi pelaporan, pemantauan, dan penilaian keberkesanan program. Ia merangkumi proses pelantikan Panel Penilai Projek Komuniti, verifikasi pelaksanaan dan penilaian bintang, yang memastikan semua projek menepati standard impak sosial dan menggalakkan budaya kesukarelawanan.

Pemeriksaan Elemen Sukarelawan

Proses ini diintegrasikan ke dalam pengurusan alumni dan komuniti dengan tujuan membudayakan amalan penyumbangan tenaga dan kepakaran melalui pemindahan ilmu, memupuk semangat kesukarelawanan, membina kemahiran insaniah, serta memperkukuh reputasi UiTM sebagai institusi yang prihatin terhadap pembangunan komuniti dan kesejahteraan sosial.

Antara pelaksanaan inisiatif yang telah dijalankan ialah:

CEO@Faculty Programme – platform yang menggalakkan pemain industri berkongsi pengetahuan, pengalaman, dan kepakaran bersama warga UiTM serta komuniti setempat.

berkenaan, dan seterusnya. Beliau juga pernah berkolaborasi dengan beberapa organisasi profesional bersama Alumni di Maybank bertemakan 3i – *Inspired, Integrate and Innovate*.

Program Kesukarelawanan – pelbagai inisiatif dilaksanakan yang melibatkan penyertaan pelajar, staf, dan alumni. Program ini dapat menyokong kesejahteraan komuniti tetapi turut memperkukuh semangat tanggungjawab sosial dikalangan warga UiTM.

Pemindahan Ilmu – Memperkukuh perkongsian ilmu, kepakaran, dan teknologi antara universiti dengan industri secara dua hala (vice versa). Warga UiTM berpeluang mengaplikasikan pengetahuan akademik kepada keperluan sebenar industri, manakala industri menyumbang teknologi, amalan terbaik, dan inovasi baharu.

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_O01_OB02_20251_ICAN_Bukti Operasi 6.2.1 - Proses Utama Jaringan Alumni.pptx.pdf](#)
2. [B0075_O01_OB02_20252_ICAN_Bukti Operasi 6.2.2 - Proses Utama Jaringan Komuniti.pdf](#)
3. [B0075_O01_OB02_20253_ICAN_Bukti Operasi 6.2.3 - Garis Panduan Jaringan Alumni dan Komuniti .pdf](#)
4. [B0075_O01_OB02_20254_ICAN_Bukti Operasi 6.2.4 Carta Alir Pengurusan Alumni Komuniti .pdf](#)
5. [B0075_O01_OB02_20255_ICAN_Bukti Operasi 6.2.5 - Pemerksaan Elemen Sukarelawan.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perancangan (Plan) proses kerja dimulakan dengan merujuk kepada **punca kuasa** yang telah diputuskan di peringkat pengurusan strategik Universiti dan ICAN. Proses ini turut mengambil kira keputusan mesyuarat di peringkat ICAN, laporan post-mortem, serta maklum balas daripada pelanggan seperti Istiadat Konvokesyen dan projek komuniti. Maklumat yang diperolehi digunakan untuk menilai isu, mengenal pasti keperluan, serta meneroka potensi penambahbaikan yang dapat menyokong penghasilan projek komuniti berimpak tinggi, di samping memperkukuh pembudayaan inisiatif kesukarelawanan.

Pelaksanaan (Do) **Pengurusan MyAlumni UiTM Virtual Card telah ditambah baik** pada tahun 2022 oleh Jabatan Digital berdasarkan maklum balas pengguna. Penambahbaikan proses membolehkan **kualiti data alumni** dipertingkatkan dan dianalisis bagi mengenal pasti **alumni tersohor UiTM**.

Inisiatif ini juga telah menghubungkan alumni tersohor yang merupakan pemain industri melalui **pelantikan CEO@Faculty dikalangan alumni**, menggalakkan PTJ berkolaborasi melaksanakan projek komuniti berimpak tinggi, serta meningkatkan ketampakan universiti dalam mengurusperdanakan elemen kesukarelawanan warga UiTM.

Dalam aspek jaringan komuniti, **inisiatif KaSEH** diperkenalkan untuk menggalakkan pelaksanaan projek komuniti berteraskan pemindahan ilmu kepada komuniti setempat. Melalui inisiatif ini, warga UiTM berpeluang mengetengahkan idea kreatif dan inovatif dalam usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Sebagai contoh, program **Do Good Challenge** memberi penekanan kepada pembudayaan projek komuniti berimpak tinggi dalam kalangan pelajar. Program ini menitikberatkan elemen kesukarelawanan, pemerkaasaan sosioekonomi komuniti setempat, serta pelaksanaan projek yang memberi nilai tambah kepada masyarakat.

Transformasi daripada projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bawah inisiatif KaSEH kepada projek komuniti berimpak tinggi adalah sejajar dengan aspirasi ICAN untuk menjadi entiti Comprehensively Excellent. ICAN telah memacu inisiatif ini melalui integrasi **Model Quintuple Helix**, yang melibatkan kerjasama strategik antara universiti, industri, kerajaan, komuniti, dan kelestarian alam sekitar.

Seiring dengan aspirasi tersebut, bermula suku kedua tahun 2022, ICAN bersama Pejabat TNC PI telah mengaplikasikan sistem PRIME STAR Rating bagi tujuan pendaftaran dan pelaporan aktiviti jaringan komuniti. Melalui sistem ini, program dipantau mengikut tempoh masa yang ditetapkan, meliputi aspek kualiti kerja, kuantiti penyertaan, dan pencapaian suku tahun (Q1–Q4).

Rekod bilangan pegawai yang terlibat serta tahap keberkesanan pelaksanaan turut didokumentasi bagi tujuan penilaian berterusan. Pendekatan ini mencerminkan semangat Sinergi, iaitu penyatuan usaha dan kepakaran pelbagai pihak untuk menjayakan objektif bersama.

Fasa ini turut melibatkan pemantauan dan semakan pencapaian. Contohnya, keberhasilan projek komuniti dinilai melalui penarafan bintang, laporan akhir, dan maklum balas peserta. Sementara itu, sistem MyAlumni UiTM Virtual Card diperiksa dari aspek capaian, penggunaan, serta pengalaman pengguna.

Data yang dikumpul dibandingkan dengan KPI, PI dan hasil jangkaan. Sebarang penemuan atau kelemahan direkodkan untuk tindakan susulan. Dalam fasa ini, elemen Integriti dititikberatkan dengan memastikan semua data, proses, dan pelaporan dilaksanakan secara telus dan beretika.

Hasil pelaksanaan melalui sistem IT NIME serta mampan basis kepada 300 jejagan (mak aras) bersama pengguna telah mendorong penghasilan Manual Libatsama Komuniti.

Berdasarkan hasil pemeriksaan, tindakan penambahbaikan dilaksanakan melalui:

- Pemindahan proses manual kepada kepada sistem digital, penambahbaikan modul didalam sistem bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan;
- Penganjuran sesi coaching pemantapan proses, termasuk latihan kepada staf pelaksana;
- Pelarasan strategi pelaksanaan, pengubahsuaian bentuk program sukarelawan agar lebih inklusif dan berimpak sosial.

Langkah-langkah ini membuktikan komitmen ICAN terhadap kecemerlangan operasi melalui penekanan kepada penambahbaikan berterusan dan penggunaan teknologi untuk meningkatkan produktiviti.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_O01_OB03_20251_ICAN_Bukti Operasi 6.3.1 Perbincangan dengan Bahagian Digital .pdf](#)
2. [B0075_O01_OB03_20252_ICAN_Bukti Operasi 6.3.2 Inisiatif Penambahbaikan Alumni Virtual Card.pdf](#)
3. [B0075_O01_OB03_20253_ICAN_Bukti Operasi 6.3.3 Penambahbaikan Proses Alumni Virtual Card .pdf](#)
4. [B0075_O01_OB03_20254_ICAN_Bukti Operasi 6.3.4 Pelaksanaan Inisiatif Kaseh.pdf](#)
5. [B0075_O01_OB03_20255_ICAN_Bukti Operasi 6.3.5 - Pendekatan Quintuple Helix .pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dilaksanakan melalui pelbagai cara. Kitaran penambahbaikan berterusan di ICAN dipacu oleh pengurusan kanan ICAN, pusat di bawah ICAN, serta staf pelaksana melalui pendekatan PDCA. Hasil pemantauan dianalisis secara terperinci untuk meningkatkan kecekapan pengurusan operasi di ICAN, yang kemudiannya diinstitusikan penggunaannya dan diintegrasikan ke seluruh kampus UiTM.

1. Peranan Pengurusan ICAN

§ Pengurusan kanan ICAN memainkan peranan dalam memantau prestasi jabatan agar sentiasa selaras dengan agenda universiti dan **Pelan Perancangan Strategik ICAN dengan pelbagai pendekatan**.

- Pemantauan dilakukan melalui analisis data daripada semakan KPI, PI, SKT, laporan Sistem PRIME Star Rating,
- Sesi libat urus melalui platform **MeTIC sebagai medan komunikasi** diadakan setiap tahun dan melibatkan seluruh warga UiTM.
- Pengurusan turut **membuat keputusan strategik** yang bersifat transformasi, seperti pemindahan proses manual kepada sistem digital sepenuhnya bagi meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan risiko ralat, dan mempercepatkan capaian data.

2. Peranan Pusat di bawah ICAN

- Pusat-pusat di bawah ICAN **berperanan menyelaraskan dan mengkoordinasi** projek atau inisiatif mengikut hala tuju strategik yang ditetapkan.
- Pemantauan berterusan dijalankan melalui bengkel pasca pelaksanaan (*post-mortem*) untuk mengenal pasti isu, cabaran serta peluang penambahbaikan.
- Memberi **maklum balas** berkaitan keberkesanan pelaksanaan, termasuk aspek kualiti kerja, kuantiti penyertaan, serta keberhasilan program.

3. Peranan Staf ICAN

- Staf ICAN pula menjadi penggerak utama di peringkat operasi dengan melaksanakan tugas harian berpandukan SOP sedia ada yang dipertingkatkan hasil daripada pembelajaran berterusan. Mereka mengamalkan budaya kerja pengurusan kejut dengan berasaskan inovasi, termasuk pengurusan risiko secara proaktif bagi mengelakkan potensi ketirisan data alumni.
- Staf turut membudayakan pematuhan kepada peraturan melalui kerjasama khususnya berkaitan dalam pematuhan audit dan peraturan yang berkuatkuasa.

Jangkaan Hasil

1. **Kelestarian Tadbir Urus** – Berdasarkan struktur Jawatankuasa dibawah ICAN, sistem pemantauan dan digitalisasi operasi dapat membudayakan tadbir urus yang telus dan berintegriti, sekaligus mengurangkan risiko ketidakpatuhan.
2. **Pengukuhan Jaringan Strategik** – Hubungan berterusan dengan alumni, komuniti, dan industri akan menghasilkan ekosistem sokongan yang mampu membuka peluang kerjasama baru dari segi dana, peluang pekerjaan, serta pemindahan ilmu.
3. **Penglibatan Inklusif** – Inisiatif sukarelawan dan penglibatan masyarakat dijangka melahirkan warga UiTM yang berdaya saing, beretika, serta berjiwa kepimpinan.
4. **Kecemerlangan Operasi** – Peningkatan produktiviti dan tahap penyampaian maklumat dilakukan melalui amalan kerja cemerlang.

SENARAI BUKTI:

1. [B0075_O01_OB04_OC01_20251_ICAN_Bukti Operasi 6.4.1- \(Plan\) Pendekatan Perancangan Strategik ICAN pptx.pdf](#)
2. [B0075_O01_OB04_OC01_20252_ICAN_Bukti Operasi 6.4.1 \(Do\) Petikan Minit METIC .pdf](#)
3. [B0075_O01_OB04_OC01_20253_ICAN_Bukti Operasi 6.4.1 Analisa Impak Program .pdf](#)
4. [B0075_O01_OB04_OC01_20254_ICAN_Bukti Operasi Struktur JK .pdf](#)
5. [B0075_O01_OB04_OC01_20255_ICAN_Bukti Operasi 6.4.1.5 .pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dalam operasi ICAN dilaksanakan melalui pendekatan sistematik berasaskan analisis punca, impak, serta kawalan pencegahan dan pemulihan. Antara risiko utama yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

1. Risiko kebocoran dan perkongsian data alumni UiTM

Data alumni yang berdaftar melalui MyAlumni UiTM Virtual Card berpotensi dikongsi tanpa kawalan kepada PTJ atau pihak luar. Hal ini berisiko melanggar akta data universiti seperti yang ditegaskan dalam surat rasmi PUU (2023).

2. *Punca*: Pertindihan pelaporan data, penyediaan dokumen tanpa kawalan, serta kelemahan mekanisme sistem pengurusan maklumat.

Impak: Data boleh dimanipulasi dan digunakan untuk menjatuhkan reputasi universiti.

1. Risiko projek komuniti tidak memenuhi kriteria UiTM

Sebahagian projek komuniti dilaksanakan hanya sebagai CSR tanpa elemen pemindahan ilmu atau keterlibatan berterusan komuniti.

Punca: Tiada elemen perkongsian ilmu, komitmen penerima manfaat rendah, serta projek bersifat "one-off".

Impak: Universiti gagal menonjolkan peranan sebenar dalam menyelesaikan isu masyarakat, seterusnya menjejaskan kredibiliti UiTM.

1. Risiko kebocoran rahsia universiti atau maklumat sulit

Maklumat rasmi universiti (dokumen, minit mesyuarat, bahan promosi) berisiko tersebar tanpa kawalan.

Punca: Tiada manual fungsi tugas jawatankuasa, mekanisme kawalan data lemah, serta tiada standard prosedur keselamatan maklumat.

Impak: Kebocoran maklumat boleh dimanipulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab sehingga mencemar nama baik universiti.

Langkah pengurusan risiko:

- Melaksanakan *data governance framework* selaras dengan garis panduan Penasihat Undang-undang.
- Menambah baik SOP kawalan dokumen rasmi dan menetapkan tahap keselamatan maklumat.
- Menginstitusikan penilaian projek komuniti berdasarkan kriteria UiTM sebelum kelulusan.
- Menyediakan manual fungsi jawatankuasa serta latihan kesedaran pengurusan risiko kepada staf.
- Mengguna pakai sistem digital berlapis kawalan (*multi-layered access control*) bagi memantau pelaporan dan perkongsian data.
- Melalui pengenalpastian dan kawalan ini, risiko operasi dapat diminimumkan serta reputasi UiTM terjamin.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_O01_OB04_OC02_20251_ICAN_Bukti Operasi 6.4.2.1 Daftar Risiko .pdf](#)
2. [B0075_O01_OB04_OC02_20252_ICAN_Bukti Operasi 6.4.2.2 Dasar Pengurusan maklumat.pdf](#)
3. [B0075_O01_OB04_OC02_20253_ICAN_Bukti Operasi 6.4.2.3 Surat .pdf](#)
4. [B0075_O01_OB04_OC02_20254_ICAN_Bukti Operasi 6.4.2.4 Contoh Permohonan Data](#)

[melibatkan risiko ketirisan data .pdf](#)

5. [B0075_O01_OB04_OC02_20255_ICAN_Bukti Operasi 6.4.2.5 screenshot paparan dashboard powerBI.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

ICAN sentiasa komited terhadap amalan penambahbaikan berterusan berasaskan data dan bukti. Hasil penganalisan tumpuan operasi yang dilaksanakan melalui laporan program, semakan SKT, serta pencapaian KPI telah memberi input penting dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan.

Analisis ini bukan sahaja menilai tahap pencapaian, malah mengenal pasti jurang prestasi, keberhasilan sebenar program, serta tahap penglibatan pihak berkepentingan. Berdasarkan dapatan tersebut, beberapa tindakan penambahbaikan telah dikenal pasti dan dilaksanakan melalui strategi utama berikut:

1. Pelarasan proses operasi

Semakan semula carta alir kerja dan prosedur operasi standard (SOP) dilakukan bagi memastikan pelaksanaan lebih cekap, tepat, serta berpandukan data sebenar operasi. Sebagai contoh: Garis Masa yang telah ditetapkan dalam proses verifikasi data dan penilaian dapat membantu staf menjalankan proses semakan dan verifikasi dalam tempoh. Hasilnya, proses kerja menjadi lebih teratur dan mampu mengurangkan kesilapan teknikal.

2. Naik taraf sistem Pelaporan Data ICAN

Modul *MyAlumni Virtual Card* serta sistem PRIME ditambah baik bagi memudahkan pemantauan, pelaporan, dan pengesahan data komuniti secara sistematik dan telus. Pada masa yang sama, **Pelan Integrasi dan Pembangunan ICAN2U** dimulakan pada tahun 2024. Melalui pelan ini, data strategik di ICAN dapat dikenal pasti, diselaraskan daripada pelbagai sistem, dan diintegrasikan mengikut keperluan. ICAN2U juga akan menjadi platform rasmi bagi pengurusan data Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni, sekali gus memperkukuh kebolehpercayaan data UiTM.

3. Semakan maklum balas Audit dan program

Berdasarkan laporan audit yang dijalankan di ICAN, tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah dilakukan bagi memastikan pematuhan setiap proses pengoperasian. Selain itu, sesi libat urus bersama pihak berkepentingan diadakan secara berkala untuk mengenal pasti cabaran, menilai kekuatan, serta merangka cadangan penambahbaikan yang praktikal dan inklusif. Melalui sesi ini, ICAN dapat memastikan setiap pandangan diambil kira dalam mempertingkatkan kualiti program.

4. Pemerksaan kolaborasi

Kerjasama merentas jabatan, agensi dan industri diperluas bagi mengoptimumkan sumber, mengelakkan pertindihan kerja, serta memperkukuh sinergi organisasi. Pendekatan ini meningkatkan keberkesanan program melalui perkongsian kepakaran dan jaringan strategik.

Melalui strategi ini, hasil penganalisan telah diterjemahkan kepada tindakan penambahbaikan yang proaktif dan berkesan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi, malah menginstitusikan budaya kerja berasaskan inovasi dan penambahbaikan berterusan. Justeru,

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_O01_OB04_OC03_20251_ICAN_Bukti Operasi 6.4.3.1 Integrasi Data dan Pembangunan ICAN2u .pdf](#)
2. [B0075_O01_OB04_OC03_20252_ICAN_Bukti Operasi 6.4.3.2 Gerakan Hebahan Projek Komuniti .pdf](#)
3. [B0075_O01_OB04_OC03_20253_ICAN_Bukti Operasi 6.4.3.3 Garis Masa Data dan Penilaian .pdf](#)
4. [B0075_O01_OB04_OC03_20254_ICAN_Bukti Operasi 6.4.3 Proses AVC Versi 1 dan 2.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan telah berjaya membentuk tahap **pembudayaan yang semakin mantap** dalam kalangan warga UiTM. Proses ini berkembang melalui pendekatan sistematik yang menekankan **komunikasi dua hala, keterbukaan maklumat, serta pembinaan kapasiti berterusan** merentas Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Sebagai contoh, penganjuran *signature program* jaringan alumni seperti **UiTM Alumni Fun Run, Jalan Othman Heritage Walk (2023)**, dan **Malam Gala UiTM (2024)** telah memperlihatkan **integrasi, sinergi, impak besar, ketampakan, serta keterlibatan menyeluruh warga UiTM** dalam menjayakan inisiatif universiti.

Antara hasil penambahbaikan yang ketara ialah:

- **Platform METIC** digunakan sebagai medium komunikasi dasar dan perkongsian amalan terbaik secara konsisten, meningkatkan kefahaman dan penyelarasan di seluruh rangkaian komuniti UiTM.
- **MyAlumni Virtual Card dinaik taraf daripada versi 1 kepada versi 2**, dengan fungsi baharu dan integrasi data yang lebih kukuh, membolehkan pengurusan data alumni menjadi lebih cekap dan sistematik dan digunakan oleh Alumni di seluruh negara dan dimana sahaja mereka berada.
- **Dashboard Pelaporan Alumni** dibangunkan sebagai **medium pemantauan berterusan**, meningkatkan ketepatan data, pelaporan SEGERA dan boleh diakses dimana sahaja berada.
- **Profiling Alumni** untuk mengenal pasti alumni tersohor, serta menyokong inisiatif seperti *CEO@Faculty*.
- Tahap kesedaran dan kefahaman warga UiTM dalam menjalankan dan pendaftaran projek komuniti berimpak terhasil dari **Siri jelajah dan sesi libat urus** ke fakulti dan kampus.
- **Manual Libatsama Komuniti** dijadikan rujukan utama dalam melaksanakan projek komuniti, memastikan keseragaman, ketelusan, dan keberkesanan program di seluruh UiTM.
- **Program KaSEH** mengangkat projek komuniti daripada sekadar tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada **projek berimpak tinggi** yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan masyarakat setempat
- **Coaching Series dan engagement berterusan** memperkukuh kemahiran pelaksanaan, memindahkan pengetahuan, dan membina semangat sukarelawan dalam kalangan staf serta pelajar.
- **Penglibatan warga UiTM dalam projek komuniti berimpak** meningkatkan imej universiti sebagai institusi yang mengutamakan pembangunan holistik warganya melalui budaya pemindahan ilmu dan sukarelawan
- Usaha ini turut memperkukuh **nilai Sinergi diantara jabatan**, membina jaringan sokongan dalaman, serta mempercepatkan adaptasi terhadap amalan baharu yang lebih mampan.

Kesimpulannya, tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan bukan sahaja meningkatkan keberkesanan proses kerja, malah telah berjaya **menginstitusikan budaya kerja yang lebih cekap, bersepadu dan berimpak tinggi**, selari dengan aspirasi UiTM sebagai **peneraju jaringan industri, komuniti dan alumni di peringkat nasional dan global**.

SENARAI BUKTI :

1. [B0075_O01_OB05_20251_ICAN_Bukti Operasi 6.5.1 Platform METIC .pdf](#)
2. [B0075_O01_OB05_20252_ICAN_Bukti Operasi 6.5.2 Hasil Data dan MyVCard .pdf](#)
3. [B0075_O01_OB05_20253_ICAN_Bukti Operasi 6.5.3 Signature Event .pdf](#)
4. [B0075_O01_OB05_20254_ICAN_Bukti Operasi 6.5.4 Penghasilan Manual .pdf](#)
5. [B0075_O01_OB05_20255_ICAN_Bukti Operasi 6.5.5 Penghasilan Komuniti Berimpak .pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil dari Tumpuan Operasi: Kecekapan dan Keberkesanan Operasi Melalui Pengurusan Jaringan Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawanan. Penumpuan diberikan kepada Pengukuhan Jaringan Alumni Aktif, Pemerksaan Jaringan Komuniti Berimpak Tinggi, Lonjakan penyertaan Sukarelawan dan Kecekapan Operasi Melalui Integrasi Sistem yang menampakkan peningkatan hasil yang positif serta keberkesanan kepada keseluruhan sistem UiTM.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kategori Operasi memberi tumpuan kepada hasil pelaksanaan dan pengurusan sistematik dalam jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan yang dapat melonjakkan kecekapan dan keberkesanan operasi ICAN UiTM. Melalui sistem **MyAlumni Virtual Card**, kecekapan pengurusan data alumni dan pengesahan kehadiran ke konvokesyen dipertingkatkan. Menerusi inisiatif yang digerakkan oleh pasukan ICAN dengan sinergi yang mantap, ICAN berjaya mengukuhkan jaringan alumni, memperkasa jaringan komuniti yang memberikan impak tinggi kepada penerima manfaat, melonjakkan bilangan sukarelawan dengan program kemasyarakatan serta memantapkan kecekapan operasi melalui sistem yang berintegrasi. Penggunaan **Dashboard GE (Graduates Employability)** contohnya, dijadikan alat pemantauan yang sangat strategik dan berimpak tinggi dalam menilai kebolehpasaran graduan UiTM. UiTM adalah di antara universiti yang bertindak secara proaktif dalam usaha menjejaki dan mengesani keberadaan dan status graduan yang dilahirkan oleh UiTM. Bagi komuniti, projek **Knowledge Transfer Program (KTP)** dilaksanakan secara konsisten berdasarkan standard prestasi (*star rating*). Kesukarelawan pula dilaksanakan melalui penyertaan berkala alumni dan pelajar dalam program berkala dan aktiviti sosial, memberi impak langsung kepada operasi kebajikan dan sokongan kepada sosio-ekonomi komuniti setempat. Penyeragaman proses antara PTj dan penekanan kepada data dan operasi yang sistematik dapat memastikan semua inisiatif berjalan cekap, lestari dan berimpak tinggi.

Kecekapan dan keberkesanan operasi melalui pengurusan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan memberi impak yang signifikan dalam memperkukuh ekosistem UiTM bersama pemegang taruh. Penglibatan alumni secara aktif, pembangunan komuniti secara inklusif, mobiliti sukarelawan dan peningkatan citra dan jangkauan UiTM merupakan hasil dari keberkesanan pengoperasian secara efisien. ICAN sentiasa menggerakkan jentera pasukan ICAN bagi memastikan ICAN sentiasa menunjukkan prestasi yang sentiasa meningkat dalam usaha mengukuhkan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan. Melalui analisa tren hasil pengoperasian, ianya membuktikan usaha penambahbaikan menampakkan kejayaan peningkatan yang memberangsangkan.

Sistem dan tata kelola pengoperasian jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan telah memperlihatkan ICAN UiTM dijadikan pakar rujuk oleh kebanyakan Universiti Awam di Malaysia. **MyAlumni Virtual Card** yang mempunyai keistimewaan tersendiri, **Dashboard GE** yang mempamerkan data terkini serta **coaching series** yang memberi impak positif kepada pelaksanaan projek komuniti berimpak adalah antara operasi pengukuhan yang menjadikan ICAN UiTM sentiasa keterhadapan. Keberkesanan pengoperasian jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan yang dicetuskan oleh ICAN telah meningkatkan keterlihatan UiTM secara keseluruhan dan ICAN secara amnya. Pengukuhan operasi yang lebih bersifat inklusif, berstruktur dan berdaya saing memberi impak besar kepada setiap pusat tanggungjawab, UiTM dan Malaysia, sejajar dengan halatuju UiTM dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di dalam melahirkan graduan dan alumni yang berdaya saing, profesional dan menjadi inspirasi modal insan yang dibanggakan.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_B0075_HB02_20251_ICAN_Hasil strategi 7.1.2 Tahap.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_B0075_HB03_20252_ICAN_Hasil Strategi 7.1.3 TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_B0075_HB04_20253_ICAN_Hasil Strategi 7.1.4 Perbandingan_TandaAras.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_B0075_HB05_20254_ICAN_Bukti Hasil 7.1.5 Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil utama adalah **pemeriksaan jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan** melalui pelaksanaan **MyAlumni Virtual Card**, **kemampuan kewangan**, **Program CEO@Faculty**, **penaiktarafan sistem digital GE**, **kelestarian** dan **pendayaan** sosio-ekonomi komuniti, pelaksanaan projek **quintuple helix** serta **inisiatif KaSEH UiTM** ke arah ekosistem kerjasama universiti dan pemegang taruh yang mampan serta berimpak tinggi.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil utama dalam kategori strategi menonjolkan pemeriksaan sistematik jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan di bawah naungan ICAN UiTM. Pendekatan ini dilaksanakan berasaskan prinsip keterhubungan strategik, pemeriksaan teknologi digital, serta kerjasama erat bersama pelbagai pemegang taruh – industri, kerajaan, komuniti dan masyarakat. Dengan rangka kerja ini, UiTM bukan sahaja meningkatkan imej institusi, malah memberi impak besar kepada kebolehpasaran graduan, pembangunan komuniti, serta pengukuhan budaya kesukarelawanan.

Bagi agenda Alumni, kejayaan utama adalah pembangunan **MyAlumni Virtual Card (VC)** sebagai medium pendaftaran dan pengesahan alumni yang lebih sistematik serta efisien. Melalui platform ini, data alumni dapat dipetakan secara analitik mengikut sektor industri dan bidang kerjaya. Keupayaan data ini membuka ruang baharu untuk jaringan strategik, peluang kerjaya, serta sokongan kepada pelajar. Penambahbaikan **VC versi 2** bakal menekankan digitalisasi dan analitik pintar, seterusnya menyumbang langsung kepada peningkatan **Graduate Employability (GE)** UiTM yang melonjak melebihi 90% pada 2024. Selain itu, program **CEO@Faculty** berjaya membawa alumni bergelar kapten industri kembali ke universiti sebagai mentor, penyumbang peluang latihan, dan pemacu jaringan kerjaya.

Dari sudut komuniti, UiTM memperkenalkan **KaSEH (Knowledge Transfer and Social Innovation Engagement and Research Helix)** sebagai platform utama pemindahan ilmu dan inovasi sosial. **KaSEH UiTM** mengangkat model **Quintuple Helix** – menghubungkan universiti, industri, kerajaan, komuniti dan kelestarian alam sekitar – sebagai enjin pemacu intervensi. Sejak 2022, **KaSEH UiTM** telah menjadi pemangkin kepada peningkatan kapasiti usahawan sosial, kesedaran kelestarian, serta pembangunan kemahiran belia luar bandar. Pendekatan ini membolehkan UiTM melaksanakan program komuniti yang bukan sekadar menyantuni, tetapi membina penyelesaian lestari, inklusif dan berimpak jangka panjang.

UiTM turut menyertai inisiatif nasional melalui **Program Pendayaan Komuniti@UniMADANI**, dengan memperoleh dana **RM535,760.00** pada tahun 2024 bagi melaksanakan **enam projek berimpak tinggi**. Projek ini menekankan penjana pendapatan komuniti melalui pemindahan ilmu dan teknologi, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan semata-mata. Dua projek **signature** iaitu **ISUNDRYER** dan **i-Mistroom** telah mendapat pengiktirafan langsung daripada **YAB Perdana Menteri** sebagai model inovasi komuniti yang lestari dan berdaya saing. Hasil program ini jelas menunjukkan bagaimana sinergi universiti–industri–kerajaan–komuniti–alam sekitar boleh menghasilkan impak transformasi, dengan komuniti kini lebih berdaya tahan, berkemahiran, dan mampu mencipta peluang ekonomi baharu.

Secara keseluruhan, strategi ini membuktikan bahawa UiTM berjaya menjenamakan dirinya sebagai universiti terkehadapan dalam memacu **naratif Quintuple Helix**. Dengan mengintegrasikan pemeriksaan alumni, penglibatan komuniti, inovasi sosial, serta budaya kesukarelawanan, UiTM bukan sekadar melahirkan graduan holistik dan berdaya saing global, malah menyumbang secara nyata kepada kesejahteraan masyarakat, kelestarian alam sekitar, dan pembangunan negara.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_B0075_HB02_20251_ICAN_Hasil pelanggan 7.1.2 Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_B0075_HB03_20252_ICAN_Bukti Hasil Pelanggan 7.2.3 TREN \(Trend\) .pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_B0075_HB04_20253_ICAN_Hasil Pelanggan 7.1.4 Perbandingan_TandaAras.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_B0075_HB05_20254_ICAN_Hasil Strategi 7.2.5 Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Utama 2 memberi fokus kepada Pelanggan yang menumpukan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK). Penterjemahan adalah melalui hasil dari aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelanggan dalam konteks JAKK, termasuk secara langsung atau tidak langsung yang menyumbang kepada pemerkasaan kecemerlangan pelanggan melalui bidang tumpuan ini.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Keberkesanan penglibatan pelanggan dan tahap kepuasan hati merupakan hasil utama yang dipacu oleh Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) UiTM. Dalam konteks ICAN, pelanggan ditakrifkan sebagai alumni, graduan, industri, komuniti, KPT, agensi kerajaan serta ibu bapa pelajar. Setiap kategori pelanggan ini telah mendapat nilai yang nyata, dan pada masa yang sama menjadi rakan strategik yang memperkukuh ekosistem universiti.

Alumni menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi hasil wujudnya platform **MyAlumni Virtual Card (MyAlumni VC)** yang berpotensi menghubungkan lebih 800,000 alumni. Mereka terlibat secara aktif sebagai mentor, penyumbang dana, penaja peluang pekerjaan dan pemindah ilmu. Graduan pula mendapat akses lebih luas kepada peluang kerjaya, yang terbukti melalui **Telegram Unit GE** yang mempunyai lebih 20 ribu *subscribers*. **Graduate Employability (GE) UiTM ialah 92.1% pada 2024**, melepasi sasaran kebangsaan 90%. **Penubuhan Majlis Alumni UiTM yang menyatukan 42 persatuan alumni** juga meningkatkan rasa kepunyaan dan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka.

Industri pula menilai kerjasama dengan UiTM secara positif kerana penglibatan mereka bukan sekadar dalam latihan industri, tetapi juga pembangunan kurikulum, CSR, serta pemindahan ilmu. Melalui kerjasama ini, **sebanyak 326 MoU/MoA antarabangsa dimeterai (2021–2024)**, sekaligus mengukuhkan kepercayaan industri terhadap UiTM sebagai pembekal bakat berkualiti. Pengiktirafan alumni industri sebagai **Tokoh Alumni Kebangsaan 2024** turut menjadi bukti kepuasan pihak industri terhadap hasil kerjasama ini.

Komuniti merasai impak nyata melalui program **KaSEH, KTP dan CSR**, di mana mereka bukan lagi penerima manfaat pasif tetapi **turut bersama sebagai sukarelawan** di dalam projek-projek CSR berskala kebangsaan. Penggunaan **PRIME Star Rating** memberi keyakinan kepada staf akademik dan warga UiTM, bahawa setiap projek dilaksanakan secara telus dan profesional. Malah, hasil pendanaan dan projek komuniti yang dahulunya tiada kini telah mula berkembang, dengan **165 bilangan komuniti (2023) ke 187 pada 2024**, seiring dengan aspirasi KPT untuk menjadikan pemindahan ilmu sebagai agenda nasional.

KPT dan agensi kerajaan berkaitan fungsi ICAN menerima laporan berkala berasaskan data, meliputi prestasi GE, penglibatan alumni, pelaksanaan projek komuniti berimpak tinggi serta impak kolaborasi industri, yang membuktikan **akauntabiliti ICAN dalam menyokong dasar dan sasaran strategik UiTM dan negara**. Sementara itu, ibu bapa pelajar menilai keberkesanan ICAN melalui kebolehpasaran tinggi anak-anak mereka, yang menambahkan keyakinan terhadap UiTM sebagai universiti masa depan.

Kesimpulannya, hasil dari tumpuan pelanggan ICAN membuktikan tahap penglibatan yang inklusif, kepuasan hati yang tinggi, serta pencapaian melebihi sasaran. Inilah faktor utama yang menjadikan UiTM kekal relevan, diyakini pelanggan, serta berimpak langsung kepada pembangunan masyarakat dan negara.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_B0075_HB02_20251_ICAN_Hasil Operasi 7.3.2 Tahap.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_B0075_HB03_20252_ICAN_Hasil Operasi 7.3.3 Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_B0075_HB04_20253_ICAN_Hasil Operasi 7.3.4 Perbandingan_TandaAras.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_B0075_HB05_20254_ICAN_Hasil Operasi 7.3.5 Importance.pdf](#)